



العلوم

MAJALAH AL-ULUM

PUSAT ISLAM & PEMBANGUNAN INSAN UnMAP

PIMPIN DIKTIRAF PENSIJILAN DALAMAN MS ISO 9001:2015

**EDISI
KE-3**

**KOLEKSI
ARTIKEL ILMIAH
DAN AKTIVITI
PUSAT ISLAM &
PEMBANGUNAN
INSAN**

*Menjunjung Warisan
dan Kearifan Tempatan
melalui Pendigitalan*



*PhD: Pergantungan
Hanya Dengan-Nya*

*Menangani Stres
Wanita Berkerjaya*



**LELAH KEPADA
LILLAH**

*Pengurusan Kualiti:
Sorotan Pengalaman
Pusat Islam dan
Pembangunan Insan*



*Jurutera
Memilih Bidang
Keusahawanan*



ISSN 2636-9990
9 772636 999003

العلوم

Sidang Redaksi

MAJALAH AL-ULUM PUSAT ISLAM &
PEMBANGUNAN INSAN



PENAUNG

PROF. IR. TS. DR. MOHD RIZAL BIN ARSHAD
MENJALANKAN FUNGSI NAIB CANSELOR
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

PENASIHAT

MUHAMMAD ADIB BIN HAJI HASSAN
PENGARAH PUSAT ISLAM & PEMBANGUNAN INSAN

KETUA EDITOR

CIK NOR KHAIRINA BINTI HASSAN



Scan QR kod
untuk membaca
majalah ini
secara atas talian

EDITOR

MOHD FIKRI AIMAN BIN MOHD ZULKEFLI
NASRUL BIN CHE ALI
NURHANISAH BINTI SHUKERI
PUAN FARIZA ILEYNA BINTI MANSOR

EDARAN DAN PROMOSI

MOHD ROLFAIZAL BIN RODI

TUGAS - TUGAS KHAS

MARFAIZA BINTI MOHAMAD
AZLEEN BINTI ABDUL WAHAB

JURUFOTO

PUSAT ISLAM & PEMBANGUNAN INSAN
PUSAT KOMUNIKASI KORPORAT

Kandungan

- 04 Kalam Pengarah
- 05 Kalam Naib Canselor
- 06 Kata Aluan Naib Canselor
- 07 Temubual Bersama Mantan Pengarah
- 08 Menjunjung Warisan dan Kearifan Tempatan Melalui Pendigitalan
- 12 Mempromosi Perisian Mesra Muslim Sebagai Alternatif Kepada Perisian Konvensional
- 17 PhD: Pergantungan Hanya Dengan-Nya
- 20 Menangani Stres Wanita Berkerjaya
- 25 Lelah Kepada Lillah
- 28 Aktiviti - Aktiviti PIMPIN
- 36 Takwim Aktiviti PIMPIN 2020
- 37 "Abdul Rahman Bin Auf: Pedagang Syurga"
- 42 Ubat dan Babi, Halal dan Haram?
- 44 Jurutera Memilih Bidang Keusahawanan
- 47 Menyuling Sistem Pendidikan Daripada Barat
- 52 Pengurusan Kualiti : Sorotan Pengalaman Di Pusat Islam & Pembangunan Insan
- 56 Rantaian Sistem Pengurusan Kualiti (Tahunan)
- 57 Bersama Penerima Anugerah Tokoh Maal Hijrah Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Bin Zahid Jamal
- 58 Senarai Penerima Anugerah Tokoh Maal Hijrah 1442H/2020M
- 58 Senarai Nama Pelajar-Pelajar Praktikal Di PIMPIN
- 59 Maktabah Digital Islam



Kalam Editor

Nor Khairina Binti Hassan



Assalamualaikum Wrt Wbt dan salam sejahtera

Terlebih dahulu saya ingin memohon jutaan kemaafan kerana kelambatan Majalah al-Ulum edisi ke-3 di cetak. Hal ini adalah kerana faktor Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Namun edisi ke-3 ini berjaya juga di cetak atas doa dan sokongan semua pihak.

Majalah al-Ulum pada kali ini menghimpunkan artikel-artikel yang berilmu dan membina yang ditulis oleh penulis artikel dari kalangan staf UniMAP dan juga penulis dari luar UniMAP. Tajuk-tajuk artikel yang berkonsepkan teknologi, wanita, kesihatan, keusahawanan pendidikan dan aktiviti-aktiviti anjuran Pusat Islam & Pembangunan Insan. Oleh itu, saya berharap para pembaca dapat memanfaatkan artikel-artikel ini supaya dapat menambah ilmu pengetahuan.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassallam dalam sebuah hadis:

Maksudnya:

Daripada Abu Hurairah Radiallahu Anhu, bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassallam: Sesiapa yang menempuh satu jalan untuk menuntut ilmu, maka Allah akan memudahkan baginya jalan menuju ke syurga.

Akhir kata, saya bagi pihak sidang redaksi ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua ahli sidang redaksi yang bertungkus lumus dari awal hingga akhirnya. Syabas juga diucapkan kepada semua penulis yang menyumbang artikel-artikel untuk edisi ke-3 ini. Jutaan penghargaan juga diucapkan kepada pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penerbitan ini.

Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kerana telah memberikan kepercayaan kepada saya untuk memegang jawatan sebagai Ketua Editor buat pertama kalinya. Walaupun terdapat banyak kekurangan di dalam diri saya. Saya akan berusaha memperbaiki prestasi saya sebagai Ketua Editor di masa akan datang supaya segala masalah dan kekangan yang dihadapi pada tahun ini, tidak akan berulang lagi.

Cik Nor Khairina Binti Hassan
Ketua Editor



Kalam Pengarah

Ustaz Muhammad Adib bin Haji Hassan

Assalamualaikum wrt wbt

Alhamdulillah bersyukur kepada Rabbul Jalil telah menganugerahkan segala kekuatan kepada sidang redaksi majalah al-Ulum edisi ketiga dengan nikmat Islam dan Iman.

Alhamdulillah syukur kepada Allah Yang Esa walaupun kita masih lagi dalam situasi pandemik COVID19 yang tidak menentu diberikan kemampuan untuk kita terus menjadi hambanya yang sentiasa mengejar kebaikan sebagai bekalan di akhirat kelak.

Pada sesi keluaran kali ini sangat mencabar. Pelbagai rintangan dan ujian buat kami semua warga Pusat Islam & Pembangunan Insan, UniMAP (PIMPIN yang telah diuji dengan jangkitan virus COVID-19. Syukur semua yang terlibat diizinkan Allah SWT untuk kembali sembuh dan meneruskan Amanah.

Saya yakin semua orang tidak mahu dijangkiti makhluk Allah yang 'Super Spesial' ini. Tetapi segala ketentuan olehNya, siapalah kita untuk menafikan takdir. Firman Allah SWT dalam al-Quran bermaksud: **"Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: 'Kami beriman, sedang mereka tidak diuji (dengan sesuatu cubaan)? Dan demi sesungguhnya, Kami menguji orang yang terdahulu daripada mereka, maka (dengan ujian yang demikian), nyata apa yang diketahui Allah orang yang sebenar-benarnya beriman dan nyata pula apa yang diketahui-Nya orang yang berdusta."** (Surah al-Ankabut, ayat 2-3)

Hakikat sebenarnya ia membawa kita perlu berfikir sejenak mengapa ujian diberikan kepada umat manusia. Umat Nabi Muhammad SAW kini berada pada kemuncak akhir zaman. Bahkan ada yang kerugian dalam perniagaan, kehilangan insan tersayang dalam keluarga dan pelbagai ujian-ujian yang pasti setiap keluarga dan individu tidaklah sama. Penyelesaian terhadap soal begini, bangunlah bermunajat di sepertiga malam sambal disaksikan oleh malaikat dan sejadah. Mohonlah dan mengadulah pada Zat Yang Satu. Pohon agar mengurniakan ketabahan, kesabaran dan ketenangan dalam kehidupan. Natiyahnya kita sendiri yang merasai terhadap janji Allah SWT yang pasti ini. Bak kata para bijaksana Islam "Jika merasakan ujian sebesar kapal, maka yakinlah nikmat Allah itu seluas lautan".

Daripada Mush'ab bin Sa'd daripada ayahnya Sa'd bin Abu Waqash, beliau berkata, saya bertanya: **"Wahai Rasulullah, siapakah orang yang paling hebat cubaannya?"** Nabi menjawab: **"Para nabi, kemudian mereka yang selanjutnya (iaitu lebih utama) dan selanjutnya. Seorang hamba akan diuji sesuai kadar agamanya (keimanannya). Jika keimanannya kuat, maka cubaannya pun akan semakin berat. Jika keimanannya lemah, maka ia akan diuji sesuai dengan kadar imannya. Tidaklah cubaan ini akan diangkat daripada seorang hamba hingga Allah membiarkan mereka berjalan di muka bumi dengan tanpa dosa."** (Hadis Riwayat Ibnu Majah)

Bukan zaman untuk kita mengejar pelbagai kemewahan untuk menghimpunkan nikmat-nikmat memperkayakan seorang diri.



Hikmahnya COVID-19 ini memaksa diri kita untuk memikirkan orang sekeliling, jiran tetangga, adik-beradik serta kaum kerabat yang mungkin tidak makan akibat kehilangan pekerjaan atau ditimpa ujian. Nescaya dengan perbuatan tersebut yakni amal jariah yang berterusan dan ikhlas kerana Allah mampu menjana pendapatan pahala yang besar sebagai bekalan di akhirat kelak. Jika hanya memikir untuk keluarga kecil kita, nyatalah kita bukanlah orang yang disebut dengan janji Allah yang maha besar.

Mudah-mudahan Majalah al-Ulum edisi 3 pada kali ini mampu untuk menggerakkan hati dan jiwa manusia untuk kembali kepada fitrah Allah SWT secara kaffah (menyeluruh). Usaha penting peribadi, bimbang di akhir Sana merugi. Renungilah kata-kata ini " Tidak ada seorang pun dari manusia kecuali akan diuji dengan Afiyat (Kesihatan & Kebaikan) agar tampak kesyukurannya, atau diuji dengan musibah agar tampak bagaimana kesabarannya". dipetik dari Abu Nuaim (Hidayatul Auliya)

Marilah sama-sama kita mendoakan agar wabak ini terus diangkat.

"Ya Allah, kami berlindung denganMu daripada penyakit sopak, penyakit gila, penyakit kusta dan daripada segala penyakit berbahaya yang lain. Engkau ampunilah dosa-doa kami, Engkau rahmatilah diri kami, keluarga kami dan negara kami, Engkau lindungilah hamba-hamba Mu yang kerdil ini dari segala musibah, Engkau jauhilah diri kami dari penyakit yang berbahaya dan wabak yang mengancam nyawa, Engkau hindarilah kami dari bala yang berat dan takdir yang buruk.

Ya Allah Ya Rahman Ya Rahim

Engkau berilah kekuatan, kecekalan dan kesabaran kepada kami untuk menghadapi dugaan-Mu yang berat ini, Engkau tiupkanlah ketenangan dalam jiwa kami. Sesungguhnya setiap dugaan yang Engkau turunkan kepada kami. Ya Allah tiadalah ia melainkan untuk meningkatkan ketaqwaan dan keimanan kami kepadaMu.

Ya Allah Ya Rahman Ya Syaafi

Engkau berilah kesembuhan kepada saudara-saudara kami yang dijangkiti wabak Coronavirus walau di mana sahaja mereka berada. Sesungguhnya tiada penyakit yang tidak dapat Engkau sembuhkan Ya Allah Tiada mara bahaya yang tidak dapat Engkau jauhinya dari kami Ya Allah Kami bermohon kepada-Mu Ya Allah

Lindungilah kami, Selamatkanlah kami, Sejahterakanlah hidup kami

Ustaz Muhammad Adib bin Haji Hassan
Pengarah





Kata Aluan **Naib Canselor UniMAP**

Lt Kol Prof. Ts. Dr. Zaliman Sauli

Bismillahirrahmanirrahim

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Ilmu Keikhlasan Kecemerlangan
UniMAP Dua Dekad, Tradisi Gemilang - Teknologi, Transformasi,
Komuniti

Pertama sekali, izini saya melafazkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Azza Wajalla kerana dengan limpah rahmat dan inayahNya telah mengizinkan Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN) Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) untuk sekali lagi berjaya menerbitkan majalah al-Ulum edisi ketiga.

Saya yakin kejayaan ini adalah hasil kerja keras sidang editorial dan sifat kerjasama yang jitu dalam kalangan setiap warga kerja PIMPIN.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada sidang editorial atas penerbitan majalah yang saya lihat telah menjadi antara medium utama penyaluran dakwah dan maklumat bagi PIMPIN selain daripada penggunaan media sosial yang lain.

Saya percaya dengan kupasan topik yang menarik dalam majalah al-Ulum ini akan menjadi santapan minda buat para

pembaca sekaligus sebagai jambatan ilmu yang memberikan impak dan manfaat secara langsung bagi mengimbangi keperluan rohani mereka seperti yang dikatakan oleh Imam Al-Syafi'e RA, *"menuntut ilmu itu lebih baik daripada melakukan ibadah sunat"*.

Semoga majalah al-Ulum ini akan terus-menerus mencakna topik-topik keagamaan yang menepati prinsip-prinsip akidah ahli sunnah waljamaah antaranya berpegang teguh kepada Al-Quran dan Al-Sunnah serta prinsip Al-Salafu Al-Soleh yang saya yakin bakal merubah lanskap pemikiran masyarakat untuk lebih memahami dan menghargai kehidupan beragama serta tidak sewenang-wenangnya menjatuhkan hukum kecuali dengan bukti yang sah.

"Barang siapa menempuh satu jalan (cara) untuk mendapatkan ilmu, maka Allah pasti mudahkan baginya jalan menuju syurga."
(HR. Muslim)

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan sekalung tahniah di atas penerbitan majalah al-Ulum edisi ke-3 dan semoga tahun 2021 menjanjikan kejayaan yang berterusan buat PIMPIN dan UniMAP keseluruhannya. InsyAllah.

Sekian. Terima kasih.

Lt Kol Prof. Ts. Dr. Zaliman Sauli
Naib Canselor
Universiti Malaysia Perlis



Temubual Bersama Mantan Pengarah Pusat Islam



Prof. Madya. Dr. Shuhairimi Abdullah,
Pensyarah Kanan Fakulti Sains Gunaan dan Kemanusiaan,
Universiti Malaysia Perlis



Tarikh/Hari : 9 Julai 2021/Jumaat
Masa : 12.40 pm
Tempat : Perbualan telefon
Editor : Nor Khairina Binti Hassan

01 Boleh PM ceritakan mengenai akademik dan pengalaman perkhidmatan sepanjang di UniMAP?

Saya menamatkan pengajian Ijazah Sarjana dan Sarjana Muda di Universiti Malaya di dalam bidang Syariah & Undang-undang pada tahun 2002 dan kemudian meneruskan pengajian di peringkat Doktor Falsafah pada tahun 2011 dalam bidang Keusahawanan Islam. Saya mula berkhidmat sebagai Pegawai Tadbir di Jabatan Pendaftar UniMAP pada tahun 2002 dan pada tahun 2003 hingga kini, saya bertugas sebagai Pensyarah di Pusat Teknologi Komunikasi dan Pembangunan Insan (PTKPI) UniMAP, Jejawi yang telah di tukarkan nama ke Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Teknokomunikasi (IKOM) dan kini di bawah Fakulti Sains Gunaan Dan Kemanusiaan.

02 Apakah yang PM lihat kepentingan PIMPIN/Pusat Islam & Pembangunan Insan dalam sesebuah IPTA ?

Untuk menjalankan aktiviti-aktiviti berunsurkan Islamik kepada staf, pelajar, komuniti dan IPTA lain.

03 Apakah kekurangan yang wujud dalam tempoh PM bersama Pusat Islam Dan Pembangunan Insan ?

Banyak aktiviti yang tidak di anjurkan kepada pelajar dan staf seperti kelas-kelas agama, usrah, dakwah, kelas asas fardhu ain, aktiviti Helwa dan kebajikan kepada pelajar antarabangsa. Selain itu, keperluan penambahan staf di PIMPIN untuk membantu dalam pelaksanaan program-program, perbanyakkan penglibatan pelajar untuk aktiviti-aktiviti PIMPIN dan perlaksanakan pentadbiran PIMPIN di Kampus Uniciti Alam. Selain itu, menganjurkan aktiviti di peringkat negeri dan Malaysia seperti berkongsi kepakaran aktiviti program Islamik, aktiviti kebajikan selain bantuan kewangan dengan NGO dan motivasi keagamaan.

04 Apakah nasihat dan saranan untuk masa akan (5 tahun) di UniMAP dari sudut akademik?

Semoga PIMPIN dapat merealisasikan sebuah Masjid, membuka cawangan PIMPIN di Kampus Uniciti Alam, semoga PIMPIN terkenal di peringkat antarabangsa bukan sahaja di Perlis, dapat memantapkan tadbir urus, staf perlulah menjalankan tugas dengan lebih baik dan meningkatkan kemahiran kompetensi, tugas hakiki, kemahiran-kemahiran baru dan teknologi.

05 Jika diberi peluang menganjurkan aktiviti bersama PIMPIN apakah aktiviti berimpak tinggi yang paling diminati untuk kepentingan umum ?

Kursus-kursus kemahiran asas fardhu ain sehingga staf dan pelajar mahir, membuat modul pengurusan Masjid apabila Masjid siap di bina, modul pengurusan PIMPIN, pelan strategi K PIMPIN, juga boleh bekerjasama dengan Fakulti dan Jabatan lain di UniMAP. Selain itu, kursus kepada pelajar antarabangsa dan penganut agama lain, kursus pengurusan zakat dan wakaf supaya lebih efisien dan boleh bekerjasama dengan pihak luar, menerbitkan bahan percetakan dengan lebih banyak dan menerbitkan majalah al-Ulum dalam pelbagai bahasa.

06 Apakah PM mempunyai kata-kata hikmah yang telah memotivasikan PM untuk berjaya selama ini?

Bertindak ke arah yang bijaksana. Dengan keadaan sekarang yang genting, kita perlulah bertahan dan berfikir untuk membuat keputusan yang bijak.

07 Akhir soalan, mohon PM memberikan nasihat dan kata-kata ilmiah kepada seluruh warga Pusat Islam & Pembangunan Insan UniMAP dan UniMAP?

Kita tidak boleh berfikir, kita berada di dalam zon yang selesa. PIMPIN dan UniMAP perlulah berfikir untuk bertindak lebih jauh dan maju ke hadapan. Semoga PIMPIN dapat menjalankan program yang mengikut kehendak semasa dan sentiasa maju ke hadapan. PIMPIN juga perlulah bertindak secara rasional, kreatif, inovatif serta membuat persediaan perancangan untuk 10 ke 15 tahun akan datang.



Menjunjung Warisan dan Kearifan Tempatan melalui Pendigitalan



Harshita Aini Haroon
Mohamad Zaki Abdul Halim
Norshahrizan Nordin
Ina Suryani Ab Rahim
Universiti Malaysia Perlis

Jika ditanya kepada khalayak umum tentang fungsi sesebuah universiti, kemungkinan besar jawapan yang diberi adalah untuk seseorang memperoleh ilmu peringkat tertinggi. Jika disoal pula berkaitan tujuan seseorang itu masuk ke universiti, sering kali jawapan yang diterima adalah untuk mendapat pekerjaan yang baik. Kepelbagaian jawapan dalam soalan ini bukan sesuatu yang luar biasa malah secara amnya universiti hari ini dilihat sebagai institusi yang memegang pelbagai peranan, antara lain sebagai institusi yang menyumbang kepada pembangunan insan terutama dalam kalangan pelajarannya, sebagai sumber kepakaran dalam disiplin bidang tertentu, sebagai agen inovasi dan pembangunan ilmu baharu justeru sebagai pencetus pembangunan komuniti dan seterusnya pembangunan negara. Oleh sebab itu, makalah ini bertujuan mengusulkan kepentingan universiti memainkan satu lagi peranan yang dilihat tidak kurang pentingnya, iaitu tanggungjawab menjunjung warisan dan kearifan tempatan.



Sejarah menunjukkan bahawa institusi pertama di dunia yang menggunakan nama "universiti" ialah Universiti Bologna di Itali yang ditubuhkan pada tahun 1088. Walau bagaimanapun, konsep universiti itu sendiri telah lama wujud sebelum pada itu lagi (Da Wan, Sirat & Razak, 2015), seperti yang dapat dilihat di Nalanda, India; Akademia di Athens dan Universiti Al-Qarawiyyin di Maghribi. Peranan yang dimainkan oleh ketiga-tiga institusi

tersebut pada waktu itu ialah sebagai pusat pembelajaran yang berkait rapat dengan kepercayaan agama. Matlamat dan fungsi universiti sejak itu telah melalui beberapa peringkat evolusi, sehingga bebas daripada perkaitan dengan agama dan kini merangkumi bukan sahaja aktiviti pembelajaran tetapi juga penyelidikan dan pembangunan komuniti.

Tanggungjawab universiti berkaitan pembangunan komuniti ialah sebuah konsep yang mula giat diselidiki sekitar awal tahun 2000 (lihat cth. Laredo, 2007; Nelles & Vorley, 2010; Zomer & Benneworth, 2011; Čulum, Rončević & Ledić, 2013; Frondizi, Fantauzzi, Colasanti, & Fiorani, 2019). Pada tahun 2012, Suruhanjaya Kesatuan Eropah dan Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) menegaskan bahawa pengajian tinggi menghadapi cabaran yang baharu dari segi tujuan, peranan, organisasi dan skopnya dalam masyarakat dan ekonomi (European Commission and OECD, 2012). Hal ini menyebabkan universiti mula mengiktiraf akan sumbangan dapatan kajian dan inovasi yang dihasilkan melalui aktiviti penyelidikan kepada pembangunan sosioekonomi negara masing-masing dan pada peringkat global. Hal ini juga berkait rapat dengan *knowledge economy* atau ekonomi berasaskan pengetahuan. Universiti sebagai entiti penyelidikan bukan saja menghasil dan menyebarkan luas ilmu pengetahuan baharu, tetapi juga diharap untuk memindahkan ilmu dan teknologi baharu tersebut kepada komuniti yang akan memperoleh manfaat hasil pemindahan tersebut, seperti industri dan entiti komersial (Frondizi et. al., 2019). Dalam erti kata lain, universiti menjadi pemain utama dalam agenda masyarakat berteraskan pengetahuan (*k-society*). Di Malaysia, manifestasi kepada konsep ini ialah pelaksanaan Program Pemindahan Ilmu (*Knowledge Transfer Program, KTP*), iaitu geran yang diberi oleh Kementerian Pengajian Tinggi di bawah Rancangan Malaysia ke-10. KTP bertujuan menyokong Model Ekonomi Baharu melalui pembangunan masyarakat berpengetahuan dan berpendapatan tinggi. Melalui KTP, projek-projek pemindahan ilmu rancak berlangsung antara universiti, industri dan komuniti lain (rujuk cth. Salleh & Omar, 2013; Nor Aziati, Nor Hazana & Ping, 2014; Azzwan & Azhar, 2016).



Hubungan antara universiti dan entiti lain digambarkan dalam model hubung kait yang kompleks, iaitu Triple Helix (rujuk cth. Liu & Huang, 2018; Etzkowitz, 2012), Quadruple Helix (rujuk cth. McAdam, Miller & McAdam, 2018; Garcia-González & Ramirez-Montoya, 2019) dan Quintuple Helix (rujuk cth. Carayannis & Campbell 2010; Al-Ali, Stephens & Ajayan, 2020). Pendek kata, keperluan dan kepentingan keterlibatan universiti dengan entiti luaran menunjukkan bahawa universiti mempunyai peranan yang amat penting dalam perkembangan sosioekonomi dan budaya sesuatu negara.

Dalam keghairahan universiti bekerjasama dengan pihak luar untuk pembangunan negara bagi tujuan yang telah dinyatakan, seperkara yang tidak boleh diabaikan ialah peranan universiti yang berkaitan dengan warisan negara, dan kearifan tempatan. Kajian telah membuktikan kebergunaan kearifan tempatan dalam menyelesaikan permasalahan tertentu dalam kehidupan masa ini dan masa hadapan seperti konservasi bahasa dan habitat (Wilder, O'Meara, Monti & Nabhan, 2016), dalam konteks pertanian dan iklim (Hamad & Eltahir, 2018), bagi inovasi dan keusahawan (Capel, 2014) dan bagi tujuan kelestarian dan pembelajaran sepanjang hayat (Ng'asike, 2019). Begitu juga halnya dengan artifak sejarah dan warisan yang melambangkan dan menyumbang kepada keutuhan bangsa dan kemajuan tamadun (Abdullah, 2018; Zul, 2016; Hasanuddin, 2017) dan pengajian tamadun (termasuk bahasa) yang memainkan peranan penting dalam pembinaan insan dan masyarakat (Buang, 2011; Sariyan, 2009, Majid, Juperi & Jasmi, 2018). Artifak warisan yang tersarat dengan nilai kearifan tempatan ini secara asasnya bukan sahaja melibatkan artifak dalam bentuk 'benda' (*material*) malahan mencakupi jenis artifak 'bukan bendaan' (*nonmaterial*) seperti pantun Melayu sebagai wadah komunikasi tradisi yang di dalamnya tersarat dengan ilmu dan akal budi bangsa. Artifak-artifak kearifan tempatan ini perlu dipelihara dan dipulihara kelangsungan fungsinya yang memberi faedah kepada universiti dan komuniti. Semangat menjunjung warisan dan kearifan tempatan ini dapat diolah dengan pendekatan teknologi yang ada pada masa ini demi kelestarian ilmu serta rangsangan penanjakan peradaban bangsa.

Lanjutan itu, mengambil kira kepentingan warisan dan kearifan tempatan dalam kehidupan amnya, seperti yang dijelaskan melalui kajian terdahulu, universiti perlu memainkan peranan dalam usaha memelihara dan menjunjung warisan dan kearifan tempatan tersebut. Warisan budaya adalah sebahagian budaya apabila warisan mendukung nilai-nilai yang diiktiraf, dikaji, dipulihara dan diterjemah sebagai identiti (Danic & Dukic, 2013). Salah satu cara hal ini dapat dilaksanakan ialah melalui usaha pendigitalan bahan, maklumat dan pengetahuan yang berkaitan dengan kedua-dua aspek ini. Dalam konteks perkembangan dunia sekarang yang begitu pantas, penuh dengan ketidakpastian, kompleks dan samar, yang dikenali

sebagai VUCA (*Volatility, Uncertainty, Complexity, dan Ambiguity*) (Bennett & Lemoine, 2014), terdapat risiko besar akan kehilangan kedua-dua sumber utama itu kerana ditenggelami arus kemajuan yang begitu dinamik. Kepentingan ini ditekankan oleh UNESCO:

"While stone, papyrus, parchment and paper formerly contained the evidence of our past, radio, film, television and the Internet are the canvas of modern life. In a world where emphasis is placed on speed and where life is becoming increasingly hurried, we must take time to conserve the records of what defines our roots, our past and our existence." (UNESCO Memory of the World, 2010, p2).



Usaha memelihara dan menjunjung warisan dan kearifan tempatan akan membolehkan khalayak umum mendapat akses kepada maklumat dan pengetahuan yang berkaitan. Perkara ini juga menyumbang kepada pengekalan dan pengukuhan nilai, identiti dan jati diri warga Malaysia. Hal ini telah lama ditekankan oleh UNESCO dalam dokumen *Convention Concerning The Protection Of The World Cultural And Natural Heritage* (1972) yang mengiktiraf bahawa perubahan sosioekonomi dunia menyumbang kepada kehilangan dan kemusnahan warisan, yang mempunyai nilai kemanusiaan yang tinggi yang perlu dipelihara dan dilindungi. Dokumen tersebut walau bagaimanapun juga maklum bahawa usaha tersebut bukan sesuatu yang mudah, mengambil kira skala dan jenis sumber yang diperlukan, termasuk sumber ekonomi, saintifik dan teknologi. Pendigitalan warisan memerlukan proses di pelbagai peringkat dan mengambil masa yang lama namun, contoh daripada beberapa kejayaan negara lain boleh dijadikan landasan permulaan terhadap usaha ini di Malaysia. Antara contohnya, garis panduan daripada Strategi Kebangsaan Norway untuk Pemeliharaan Digital dan Penyebaran Warisan Budaya (*Norwegian National Strategy for Digital Preservation and Dissemination of Cultural Heritage*) yang mengesyorkan kajian bersama bagi pendigitalan warisan kebangsaan dimulai dengan data daripada arkib, perpustakaan dan muzium (Danic & Dukic, 2013).





Dalam hal ini, universiti sebagai sebuah entiti yang mempunyai kepakaran saintifik dan teknologi perlu melangkah ke hadapan mengambil langkah proaktif dan komprehensif dalam usaha pemeliharaan dan perlindungan warisan. Tindakan yang sama perlu dilaksanakan terhadap kearifan tempatan yang cenderung untuk hilang ditenggelami teknologi terkini. Teknologi pendigitalan yang ada di universiti perlu dimanfaatkan untuk tujuan ini.

Salah satu cabaran dalam usaha pendigitalan ialah untuk mengenal pasti artifak warisan dan kearifan tempatan dari segi kewujudan dan lokasi. Terdapat banyak dokumentasi dalam pelbagai platform akademik seperti jurnal yang memperihalkan kewujudan warisan teknologi Melayu lama, seperti penguasaan teknologi senjata dan pertahanan oleh kerajaan Melayu suatu ketika dulu (Zakaria, 2018), buku perubatan Melayu yang dikenali sebagai Kitab Tib, seni pertukangan dan pembinaan (Majid et. al, 2018), dan peleburan logam (Ruskam, Ira & Tengku Kamarul Bahri, 2012). Terdapat juga kitab-kitab lama yang masih dalam bentuk asal dan sesetengahnya dalam tulisan jawi yang terdapat di madrasah dan organisasi sekitar negara Thailand, seperti yang dilaporkan oleh penyelidik Syed Hassan, Ibrahim, Salaeh, Zakaria & Zainuzi (2018). Kitab-kitab tersebut, antaranya adalah tentang ilmu teknologi kejuruteraan, ilmu pelayaran dan kompas perjalanan laut serta ilmu asal kejadian alam dan sejarah. Salah satu usaha pembukuan khazanah ilmu alam Melayu ialah Ensiklopedia Naskhah Klasik Nusantara, karya Wan Mohd Saghir Abdullah (Khazanah Keilmuan Alam Melayu, 2015). Usaha murni tersebut walau bagaimanapun, berfokus kepada keterangan ringkas tentang 84 kitab alam Melayu yang memperihalkan bidang ilmu seperti tauhid, fiqh, tasawuf, tafsir, hadis, perubatan, falak, matematik, perundangan, dan pentadbiran.

Selain itu, pemerhatian rambang menggambarkan bahawa dokumentasi warisan teknologi kebanyakannya terhad kepada deskripsi kewujudan teknologi tersebut, dan tidak memberi perincian tentang teknologi itu sendiri. Walaupun terdapat usaha untuk menghuraikan sesuatu teknologi itu, ternyata berlaku secara ringkas, belum begitu meluas dan menjadi rumit apabila sumber berkaitan berada di pelbagai tempat. Antara contoh terkini usaha yang lebih komprehensif dalam membincangkan teknologi Melayu lama ialah berkenaan teknologi perkapalan Melayu tradisional (rujuk Musa, 2019), teknologi senjata api Melayu (rujuk Wan Hasbullah & Mustafa, 2014), dan teknologi perahu Melayu lama (rujuk Abdul Wahab, Nik Abdul Rahman & Ramli, 2015).

Seperkara yang jelas ialah kebanyakan perincian komprehensif tentang warisan dan kearifan tempatan boleh diperoleh melalui platform akademik dalam bentuk yang formal justeru tidak begitu meluas dan 'mesra' aksesnya kepada khalayak umum. Walhal akses itu amat penting dalam menyumbang kepada kesedaran, pengetahuan, pembangunan dan pengukuhan jati diri serta keteguhan negara bangsa. Usaha pendigitalan dapat membantu dalam hal ini melalui, pertamanya, menempatkan semua sumber yang berkaitan secara digital di sebuah gedung atau repositori umum. Repositori tersebut mestilah boleh diakses secara mudah oleh semua lapisan masyarakat. Pendigitalan membawa kerjasama lebih erat antara muzium, arkib, perpustakaan dan universiti. Antara isu penting yang perlu dititikberatkan dalam pelaksanaan pendigitalan warisan budaya ialah konsep, pelan strategik dan inisiatif pendigitalan, reka bentuk keperluan pengguna, teknologi penukaran, teknologi penyimpanan, teknologi penghantaran, metadata, kawalan kualiti dan penilaian (Manzuch, Huvila, Aparac-Jelusic, 2005).



Pokoknya, universiti sebagai sebuah institusi ilmu mesti memainkan peranan yang penting dalam menyumbang kepada pendemokrasian pengetahuan. Usaha pendigitalan sumber warisan dan kearifan tempatan merupakan salah satu cara hal ini boleh berlaku, selain memastikan khazanah negara terpelihara rapi. Langkah ini juga akan memberi mesej penting kepada khalayak, iaitu dalam menuju ke hadapan demi kemajuan, warisan dan kearifan tempatan tidak sepatutnya dilupakan kerana memiliki nilai kemanusiaan yang penting.

Tuntasnya, makalah ini telah menggariskan kepentingan sumbangan universiti dalam pembangunan negara melalui hasil inovasi dan ilmu baharu. Walau bagaimanapun, penulis menegaskan bahawa warisan dan kearifan tempatan juga perlu dijunjung dan diletakkan di satu platform melalui usaha pendigitalan. Universiti sebagai entiti ilmu tertinggi dengan kepakaran terkini perlu menjadi pemain utama dalam usaha ini lebih-lebih lagi hal seumpama ini diaspirasikan pada peringkat Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dalam Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di Universiti Awam (PTMBMBUIA) 2016-2020. Kecaknaan universiti dalam menjunjung warisan dan kearifan tempatan ini

sekaligus menjunjung wawasan negara yang berkehendakkan ilmu berkaitan warisan dan kearifan tempatan ini dijana dan dilestarikan melalui ranah pendidikan dengan setidak-tidaknya universiti dapat menawarkan kursus pengajian berkenaan kearifan tempatan berdasarkan bidang tujuhan universiti masing-masing. Selain itu, kepekaan universiti dalam hal ini juga dapat merangsang penubuhan pusat kecemerlangan alam Melayu di universiti yang berfungsi sebagai gedung ilmu kearifan tempatan lantas membuka ruang dan peluang kepada jaringan penyelidikan, perundingan, penerbitan dan, persidangan ilmu warisan dan kearifan tempatan pada peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Pada masa yang sama, usaha pendigitalan ilmu artifak warisan dan kearifan tempatan ini dapat menjadi anjakan baharu kepada penyediaan bentuk sumber rujukan secara maya. Hal ini bukan sekadar memastikan sumber warisan dan kearifan tersebut tidak hilang ditelan zaman, sebaliknya universiti sedar bahawa warisan dan kearifan tempatan perlu dijunjung kerana nilainya yang begitu tinggi dalam pembangunan jati diri insan dan bangsa Malaysia.

“ Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan dari pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia, untuk menggerunkan dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu serta musuh-musuh yang lain dari mereka yang kamu tidak mengetahuinya; sedang Allah mengetahuinya. Dan apa sahaja yang kamu belanjakan pada jalan Allah akan disempurnakan balasannya kepada kamu, dan kamu tidak akan dianiaya. ”
 (Surah Al-Anfaal, Ayat 60)





Mempromosi Perisian Mesra Muslim sebagai Alternatif kepada Perisian Konvensional

Ts. Mohd Fitri Bin Edros^a, Ts. Najdawati Binti Mohd Fadzil^b
Pusat Pengurusan dan Pembangunan Digital, Universiti
Malaysia Perlis, 02600 Arau, Perlis.
fitriedros@unimap.edu.my, najdawati@unimap.edu.my^b



PENDAHULUAN

Ledakan era digital pada masa kini secara tidak langsung turut mempengaruhi dan mengubah sebahagian besar gaya hidup masyarakat dunia. Pada masa kini, masyarakat dilihat menjalani proses kehidupan lebih mudah dengan kemudahan perisian yang kian pesat dibangunkan. Kebanjiran pelbagai jenis perisian samada menyokong versi desktop, telefon pintar dan kedua-duanya, ia mampu membantu memudahkan kehidupan masyarakat seharian. Perkembangan ini menjadikan penggunaan perisian tertentu menjadi amat tersohor. Segala urusan boleh disempurnakan dengan mudah dan dapat dilakukan hanya di hujung jari. Selari dengan perkembangan itu, pelbagai perisian telah dibangunkan bagi mendigitalkan proses kehidupan masyarakat. Antaranya ialah perisian untuk perkhidmatan seru-pandu, gerbang pembayaran, aplikasi e-dompet, e-dagang, sistem tempahan pakej pelancongan, sistem beli-belah dalam talian, aplikasi rangkaian sosial media, perkhidmatan penghantaran makanan, pelayar Internet dan perkhidmatan penstriman. Kebanyakan perisian yang disebutkan di atas adalah dibangunkan oleh orang bukan Islam. Sudah pasti perisian tersebut tidak dapat memenuhi tuntutan atau kriteria yang digariskan oleh Islam. Umat Islam, khususnya di Malaysia perlu didedahkan dengan alternatif kepada perisian konvensional ini agar dapat memberi pilihan kepada mereka dan seterusnya memilih untuk menggunakan perisian yang mesra Muslim dan patuh syariah. Artikel ini akan mengupas dengan lebih lanjut tentang beberapa perisian yang boleh digunakan dan dimanfaatkan oleh umat Islam sebagai alternatif kepada perisian yang sudah terkemuka. Buat umat Islam, kita seharusnya berusaha untuk mencari sesuatu yang lebih dekat dengan tuntutan agama kita. Usaha ini juga diharapkan dapat mengengahkan pembangun perisian di kalangan orang Islam. Dan kita sebagai umat Islam, diharapkan dapat memberikan sokongan dengan cara menggunakan perisian yang dihasilkan oleh orang Islam.



Aplikasi Perkhidmatan Seru-Pandu: MyCar (<https://www.mycarasia.com/>)

MyCar adalah aplikasi perkhidmatan seru-pandu daripada Malaysia yang menyediakan perkhidmatan pengangkutan penumpang atas permintaan di seluruh Malaysia. MyCar mula beroperasi secara rasmi pada bulan Februari 2018 dan diasaskan oleh Mohd Noah Maideen. Aplikasi ini dapat membantu pemandu mendapatkan capaian kepada permintaan pengguna di pasaran seru-pandu yang berkembang dan menjana lebih banyak pendapatan. Sehingga hari ini, terdapat kira-kira 113,800 pemandu yang berdaftar dengan MyCar dengan 20% adalah pemandu wanita. MyCar mempunyai lebih daripada 2 juta pelanggan sebulan. MyCar mempunyai misi untuk menjadi penyedia seru-pandu pilihan di rantau ini dengan menawarkan perkhidmatan pengangkutan yang berpatutan kepada pelanggan. Aplikasi ini dapat membantu pemandu mendapatkan capaian kepada permintaan pelanggan dalam perkhidmatan seru-pandu yang semakin meningkat.

Ciri-ciri utama aplikasi MyCar ialah seperti berikut:

- Pengesanan Pemandu melalui GPS secara Masa Nyata.
- Tempahan Pasaran Dengan Anggaran Harga.
- Pelbagai Kaedah Pembayaran samada tunai, kad kredit atau e-Dompet.
- Penebusan Kod Promosi.
- Butang S.O.S untuk memastikan keselamatan pelanggan.

Sistem Gerbang Pembayaran (*Payment Gateway*): *toyyibPay* (<https://toyyibpay.com/>)


ToyyibPay merupakan sebuah Sistem Gerbang Pembayaran yang dikatakan termurah dipasaran. ToyyibPay menawarkan hanya dua pakej buat masa ini iaitu Pakej Standard dan Pakej Santai. Yang menariknya pada Pakej Santai (RM0), pengguna tidak akan dikenakan sebarang caj untuk sebarang transaksi perbankan atas talian. Untuk menerima bayaran melalui kad kredit pula, hanya caj 2% dikenakan untuk kedua-dua pakej (Pakej Standard atau Pakej Santai). Pengguna boleh memilih untuk tidak menggunakan kemudahan kad kredit. Kalau digunakan barulah dikenakan caj 2% bagi setiap transaksi bayaran daripada pengguna. ToyyibPay lebih tersusun, lebih mudah, lebih pantas.



Enam (6) sebab kenapa pengguna perlu memilih ToyYibPay sebagai Gerbang Pembayaran:

- Tiada Caj Tersembunyi - ToyYibPay tidak mengenakan sebarang caj tambahan kepada pengguna.
- Tiada Had Transaksi - Tiada had transaksi bagi perniagaan pengguna.
- Mudah dan Pantas - Konfigurasi yang mudah dan pantas, langgan dan terus guna.
- Tiada fi dikenakan untuk Pakej Santai.
- Perlindungan Data - Perlindungan data akibat daripada pencerobohan. Perniagaan akan menjadi lebih terjamin dan terpelihara.
- Pelbagai Penggunaan - Sesuai untuk pengeluaran bil secara dalam talian, derma, bayaran invoice, bil, *e-commerce*, tiket dan lain-lain.

Aplikasi e-Dompot (e-Wallet) : Zapp Islamic
(<https://zapp.com.my/>)



Zapp Islamic merupakan e-dompot pertama di Malaysia yang menawarkan kepada pengguna cara patuh syariah dalam mengaplikasikan konsep nirtunai. Ini bermaksud, umat Islam di Malaysia kini dapat melakukan transaksi *e-wallet* dengan yakin dan tanpa keraguan.

Zapp Islamic adalah e-dompot Patuh Syariah di mana pengguna dibenarkan melakukan transaksi di semua peniaga Zapp kecuali peniaga bukan halal (*non-halal*). E-dompot Islam terdapat di aplikasi Zapp yang sama dan pengguna boleh memilih Zapp Islamic atau Zapp konvensional, yang merupakan e-dompot Tidak Patuh Syariah. Semua dana yang disimpan oleh pengguna dompet Islam Zapp akan disimpan secara berasingan dalam akaun bank yang patuh syariah. Penggunaan dana untuk penyelesaian pembayaran kepada semua pedagang halal akan diambil dari akaun bank yang mematuhi syariah. Semua proses bermula dari dana deposit hingga pembayaran kepada pedagang adalah selaras dengan prinsip syariah.

Sekiranya pengguna baru mengenal dunia *e-wallet* dan ingin mencubanya, berikut adalah ciri ringkas mengenai apa yang ditawarkan kepada pengguna oleh Zapp Islamic:

- Pembayaran tanpa tunai,
- Membeli-belah secara atas talian
- Memindahkan wang kepada rakan dan keluarga
- Menikmati potongan dengan baucar
- Hantar atau Terima Wang kepada Rakan & Ahli Keluarga
- Pindahan Dana ke Akaun Bank Tempatan

Sistem Tempahan Pakej Percutian: Rihaala
(<https://www.rihaala.com/>)

Rihaala merupakan sebuah sistem tempahan percutian yang menyediakan pelbagai pakej percutian halal dan mesra pelancong Muslim. Terdapat pelbagai destinasi, hotel, resort dan pengembaraan yang boleh dipilih oleh pengguna. Rihaala membolehkan pelancong Muslim untuk memilih destinasi, tempat penginapan dan banyak lagi dengan mudah hanya dengan beberapa klik. Ia merangkumi destinasi dari seluruh pelosok dunia. Rihaala menyediakan pakej bulan madu yang mesra muslim, selesa dan bebas alkohol. Rihaala adalah tempat selamat anda ketika memilih percutian halal kerana semua hotel dan resort telah dipilih dengan teliti melalui pemeriksaan mesra muslim. Destinasi mesra muslim ini dipenuhi dengan maklumat, memberikan pengguna mempunyai maklumat yang cukup untuk memilih pakej percutian.

Antara maklumat atau ciri yang disediakan oleh Rihaala ialah seperti berikut:

- Cadangan masa terbaik untuk melakukan perjalanan.
- Cadangan perkara yang harus dilakukan ditempat percutian.
- Cadangan penginapan yang mesra keluarga.
- Cadangan penginapan yang bebas alkohol.
- Senarai restoran halal yang boleh dijelajahi.
- Senarai masjid berdekatan dengan penginapan.
- Penginapan dengan pilihan makanan halal.
- Kemudahan ibadat yang terdapat dipenginapan.
- Kemudahan khusus wanita yang terdapat dipenginapan.

Sistem e-Dagang : Hayib (<https://hayib.com/>)



HaYib (Halal & Toyyiban) diasaskan oleh Fadzil Hashim yang juga CEO of Brainy Bunch dan Raudhah City sejak ramadhan tahun ini 2019. Bertujuan untuk mewujudkan sistem e-dagang di mana seluruh umat Islam di Malaysia mempunyai platform yang hanya menjual produk halal dan baik (toyyiban).

Keunikan Hayib.com ialah seperti berikut:

- Sebagai Hub Usahawan Muslim - Hayib menghimpunkan seluruh usahawan dan produk dari kalangan Muslim.
- Setiap transaksi yang berlaku di Hayib.com, 1% daripadanya akan disumbangkan kepada *Save the Ummah Fund* dalam usaha menyumbang semula kepada komuniti Islam.
- Fokus kepada barangan keperluan harian dan bulanan - Bayangkan jika satu keluarga berbelanja sebulan RM1000 untuk keperluan isi rumah, bayangkan kalau 1 juta muslim di Malaysia menggunakan Hayib.com maka RM1Billion jualan berjaya dijana oleh usahawan muslim.
- Memperkenalkan Bahagian Pembekal Makanan - bahagian ini mengumpulkan semua pembekal bahan mentah dan bahan makanan untuk disalurkan kepada peniaga kedai makanan. Pembekal itu termasuklah para penternak haiwan ternakan seperti ayam, lembu dan kambing. Petani atau Peladang yang boleh membekalkan bahan mentah seperti ayam, ikan, sayur dan buah-buahan dengan harga borong. Misinya supaya umat Islam dapat mengawal ekonomi makanan daripada ladang sampai ke meja makan.
- Perdagangan Menurut Etika - Menekankan perniagaan beretika dan patuh syariah kepada penjual.

Aplikasi Rangkaian Media Sosial (Social Networking): OOLI Network (<https://oolinetwork.com/ms/>)

OOLI Network adalah aplikasi media sosial yang mesra Muslim yang bertujuan untuk menghubungkan dan berkongsi kandungan dengan rakan, keluarga dan orang ramai khususnya semua Muslim di seluruh dunia. Platform media sosial ini dibina dengan semangat serta fokus ke arah perkongsian, pemasaran, dan mempromosikan kandungan yang memberi tumpuan kepada gaya hidup dan perspektif Muslim. Walaupun aplikasi media sosial terkenal seperti Facebook sudah lama dibangunkan dan popular di serata dunia, OOLI Network sangat relevan digunakan pada masa ini kerana mempunyai nilai tambah yang lebih baik dan ia lebih mengembirakan umat Islam jika dibandingkan dengan rangkaian media sosial yang lain yang membenarkan semua jenis bentuk kandungan dipaparkan kepada pengguna. Ini kerana OOLI Network menyediakan penapisan terhadap kandungan yang tidak bersesuaian dengan cara hidup muslim di era digital kini.


OOLI Network sesuai dimanfaatkan oleh pengguna seperti berikut:

- Umat Islam yang mahukan alternatif media sosial primer atau sekunder yang lebih beretika dan memberi inspirasi kepada umat Islam.
- Keluarga dan rakan yang perlu terus berhubung dengan tetapan privasi yang mudah.
- Pengikut dan penyokong media sosial yang perlu menghubungkan sahabat semuslim secara global.
- Perniaga yang perlu mempromosikan dan memasarkan perkhidmatan dan produk berasaskan halal dan mesra Muslim.
- Organisasi yang bertujuan untuk berkongsi inisiatif dan maklumat produktif untuk umat Islam.

OOLI Network dibangunkan dengan mengambilkira ciri-ciri berikut :

- Mempromosikan nilai-nilai Muslim di platform ini.
- Tiada iklan yang tidak senonoh.
- Kata kunci dan enjin carian hashtag untuk kandungan teks di seluruh platform .
- Melihat orang pertama yang menghasilkan hashtag tertentu di platform.
- #OOLiChallenges untuk mempromosikan kreativiti dan produktiviti Muslim.

Aplikasi Pelayar Internet: Salamweb (<https://salamweb.com/>)



SalamWeb adalah pelayar web pertama yang dibangunkan untuk umat Islam bagi menikmati pengalaman Internet yang selamat dan menyeronokkan serta sangat mematuhi prinsip Islam di samping cirinya yang pantas dan mesra keluarga. SalamWeb adalah pelayar web berasaskan *Chromium* yang dikembangkan oleh syarikat Dubai Salam Web Technologies DMCC. Penerapan nilai-nilai Islam adalah teras pembangunan perisian pelayar web ini.

Jika dibandingkan dengan aplikasi pelayar web tersohor era ini, SalamWeb mempunyai keunikan serta ciri-cirinya yang tersendiri seperti berikut:


1. Direka untuk seisi keluarga - selamat untuk kanak-kanak dan melindungi privasi melalui *SalamWebProtect*, sistem dengan penapis dan sistem peringatan apabila laman web tidak mematuhi nilai-nilai Islam dan membolehkan pengguna melayari Internet dengan tenang.
2. Menyalurkan kembali kepada masyarakat Islam melalui sumbangan amal iaitu melalui platform *SalamWebSadaqah*.
3. Kebebasan untuk bercakap dan mengulas hampir apa sahaja di Internet! *SalamWebTalks* membolehkan pengguna memberi komen tanpa had di laman web mana pun.
4. Penyediaan platform kandungan dalam talian terbuka melalui *SalamWebToday* dengan tujuan agar umat Islam memiliki dunia maya mereka sendiri.
5. Platform Berita Sahih dari seluruh dunia melalui *SalamWebNews* yang mengumpul berita sahih dari seluruh dunia.
6. Memperkenalkan *widget* berguna yang membantu umat Islam mempraktikkan Islam contohnya seperti *Prayer, Qibla, Mosques Near Me, Daily Quotes, Weather*.

- Untuk menawarkan pengalaman membeli-belah halal dan selamat serta perkhidmatan selepas jualan kepada pelanggan.
- Untuk memastikan tahap integriti halal tertinggi dipertahankan di seluruh rantai bekalan halal.
- Untuk berkembang bersama rakan perniagaan bagi membina jenama dan perniagaan produk dan perkhidmatan halal.

MyHalmart mempunyai ciri-ciri umum seperti aplikasi e-dagang yang lain termasuklah ciri-ciri berikut :

- Memuat naik produk ke dalam troli, paparan senarai produk di dalam troli, gugurkan produk di dalam troli
- Carian mudah semua produk di dalam MyHalmart.
- Senarai produk mengikut penjual, jenama, kategori produk serta tapisan produk mengikut harga.
- Borang pendaftaran penjual serta halaman peribadi penjual yang mempunyai status jualan.
- Borang pendaftaran pembeli serta halaman peribadi pembeli yang mempunyai status pembelian.

Sistem Beli-belah Dalam Talian: MyHalmart (<https://www.myhalmart.com/>)



MyHalmart adalah kedai online halal terbaik di Malaysia. MyHalmart juga merupakan platform pemasaran Halal yang boleh dipercayai kerana menawarkan pelbagai jenis produk Halal premium, berkualiti, sahih dan mesra alam di samping memenuhi standard Halalal Toyyibban di semua industri di seluruh dunia.

Jika dibandingkan dengan aplikasi e-dagang yang lain, MyHalmart mempunyai objektif yang tersendiri iaitu:

- Untuk membekalkan produk dan perkhidmatan yang diperakui halal & patuh syariah.

Aplikasi Perkhidmatan Penghantaran Makanan: TempahFood (<https://www.tempah.com/>)



TempahFood merupakan platform bagi aplikasi penghantaran makanan Mesra Muslim di Malaysia yang menawarkan pelbagai pilihan makanan mesra Muslim yang menggamit nostalgia serta sangat lazat untuk dipilih. Pengguna boleh menetapkan jadual pesanan lebih awal dan seterusnya memilih untuk mengambil sendiri makanan yang ditempah ataupun memilih penghantaran terus ke alamat pengguna.

Objektif TempahFood ialah seperti berikut:

- Membuka peluang perniagaan kepada chef Muslim yang mempunyai hobi memasak di rumah, pemilik gerai kecil serta restoran untuk mempromosikan dan memasarkan hidangan mereka kepada pengguna di Malaysia dalam ekosistemnya yang selamat tanpa perlu mempunyai lot perniagaan secara fizikal.




- Memberi kebebasan dan fleksibiliti kepada chef untuk menjadualkan waktu operasi, menyediakan hidangan dan menambah hidangan dengan cara tersendiri.
- Memberi pengalaman yang selamat kepada pengguna dimana ramuan pada makanan yang tidak perlu diragui lagi status halalhnya, malah dapat merasai pengalaman menjamu selera dengan makanan seperti yang dimasak sendiri di rumah.

TempahFood telah dibangunkan dengan mempunyai ciri-ciri yang memudahkan para chef Muslim dan juga pengguna. Berikut adalah ciri-ciri yang terdapat pada TempahFood:


- Pendaftaran chef baru.
- Penetapan menu berdasarkan kepakaran bidang memasak masing-masing.
- Semakan laporan penjualan pendapatan
- Fungsi yang membolehkan pengguna menempah makanan yang disukai dengan cara menambah makanan pada item *cart* (troli)
- Fungsi carian menu makanan yang terdapat dalam TempahFood.

Aplikasi Perkhidmatan Penstriman (Streaming Service): Nurflix (<https://web.nurflixtv.com/>)



Nurflix adalah perkhidmatan streaming dalam talian bagi hiburan Islam yang pertama di Malaysia. Sepertimana Netflix dan perkhidmatan penstriman lain dalam talian yang popular, Nurflix juga menggunakan konsep VOD (*Video On Demand*). Namun, yang membezakannya ialah Nurflix diakui sebagai platform media yang akan menumpukan sepenuhnya pada kandungan kreatif Islam.

Bagi memenuhi kehendak penonton, platform ini mempunyai klasifikasi kategori tontonan seperti tontonan umum, wanita, lelaki, dan kanak-kanak yang dikategorikan khas bagi pengguna Nurflix. Jika ada penonton yang berbohong mengenai status mereka dan menggunakan akaun wanita walaupun mereka bukan wanita, tindakan mereka itu adalah antara penonton dan



Allah. Platform ini juga unik jika dibandingkan dengan platform penstriman yang lain kerana pembayaran royalti tidak terhad kepada pencipta, tetapi semua yang terlibat juga akan dibayar.

PENUTUP

Berdasarkan huraian terhadap perisian mesra Muslim di atas, dapat disimpulkan bahawa secara keseluruhan, terdapat pilihan walaupun agak terhad sebagai alternatif kepada perisian konvensional. Perisian mesra muslim tersebut wujud di dalam pelbagai jenis perkhidmatan samada perkhidmatan seru-pandu, gerbang pembayaran, aplikasi e-dompot, e-dagang, sistem tempahan pakej pelancongan, sistem beli-belah dalam talian, aplikasi rangkaian sosial media, perkhidmatan penghantaran makanan, pelayar Internet dan perkhidmatan penstriman. Antara ciri utama perisian mesra Muslim tersebut ialah, pemiliknya merupakan orang Islam, transaksi perkhidmatan atau pelaburan syarikat dipastikan patuh syariah, mengenakan caj yang berpatutan kepada pelanggan, menjaga kebajikan pedagang dengan agihan keuntungan yang adil serta fungsi aplikasi yang menapis unsur yang tidak selari dengan kehendak agama Islam. Pujian wajar diberikan kepada individu yang berusaha untuk membangun dan memelopori perisian mesra Muslim ini kerana mereka tidak hanya mengkritik perisian konvensional sebaliknya menyediakan alternatif kepada perisian tersebut. Walaupun ada antara perisian mesra Muslim tersebut masih lagi diperingkat pengujian awalan, ada juga yang masih belum menjangkau keseluruhan kawasan di Malaysia dan ada juga yang agak kurang disudut prestasi pelayan. Akan tetapi kelemahan-kelemahan ini boleh diatasi jika kita umat Islam mempunyai tekad dan keazaman untuk menyokong produk atau perisian yang mesra Muslim ini. Sokongan tersebut boleh ditunjukkan dengan cara menggunakan perisian tersebut untuk menggantikan perisian yang konvensional. Seterusnya berkongsi pengalaman penggunaan perisian tersebut dan memberi komen atau kritikan membina kepada pembangun perisian terbabit agar perisian tersebut dapat ditambahbaik dan dinaiktarak dari masa ke semasa untuk menjadikan perisian tersebut menyamai atau lebih baik daripada perisian konvensional. Akhir sekali, kita juga berharap agar usaha tersebut dikira sebagai ibadat dan dikurniakan pahala oleh Allah S.W.T.



PhD: Pergantungan Hanya Dengan-Nya



Rashidah Hj. Che Yob
Jabatan Teknologi Kejuruteraan Elektronik,
Fakulti Teknologi Kejuruteraan
rashidahcheyob@unimap.edu.my

PENDAHULUAN

Sesungguhnya, rezeki ALLAH S.W.T. itu terdapat di dalam pelbagai bentuk. Bukan hanya dari sudut wang ringgit semata, tetapi dari segi kesihatan yang baik, hubungan kekeluargaan yang mesra serta kelengkapan asas yang mencukupi. Sejujurnya rezeki ALLAH S.W.T ini tidak mampu untuk diperincikan satu persatu oleh kita sebagai hamba-Nya yang kerdil lagi hina ini. Begitu juga, dengan rezeki sambung belajar di peringkat tertinggi dalam kamus pendidikan negara Malaysia, iaitu di peringkat Doktor Falsafah atau lebih sinonim dengan singkatan PhD.

Ramai yang berkeinginan untuk melanjutkan pelajaran di peringkat ini tetapi masih belum tiba masanya. Bagi yang sedang melanjutkan pelajaran di peringkat ini, diharapkan secebis bingkisan ini dapat di jadikan panduan agar perjalanan pengajian yang sedang dilalui sentiasa dipermudahkan oleh-Nya. Seterusnya, berakhir dengan beroleh kejayaan yang cemerlang. Bak kata pepatah, "Alang-alang menyeluk pekasam, biar sampai ke pangkal lengan". Apabila kita dah direzekikan oleh ALLAH S.W.T untuk melanjutkan pelajaran di peringkat PhD, anggaplah apa jua masalah ada penyelesaiannya daripadaNya. Insyaa-ALLAH.

PERSEDIAAN AWAL

Apa yang terlintas di fikiran anda setelah permohonan anda untuk melanjutkan pelajaran telah berjaya? Adakah sebarang perancangan atau sekadar ikut rentak yang bakal mendatang? Terdapat satu pepatah yang kalian boleh pegang iaitu, "Andai anda gagal untuk merancang, anda sedang merancang untuk gagal". Persediaan awal itu sangat-sangat penting, ianya melibatkan perancangan dari segi emosi, rohani, fizikal dan seterusnya berkaitan pengajian anda. Emosi dan rohani sangat

berkait rapat. Apa yang dapat saya sarankan, di awal permulaan pengajian kalian zahirkan rasa syukur kepada ALLAH S.W.T. di atas kurniaan rezeki untuk kita sambung belajar.

Lakukan solat taubat, solat tahajjud dan solat hajat, agar kelalaian kita samada secara sedar mahupun tidak di berikan keampunan oleh ALLAH S.W.T seterusnya dengan solat tahajjud dan solat hajat agar apa yang kita rancang sepanjang pengajian berjalan lancar dan berakhir dengan kejayaan yang cemerlang. InsyaaALLAH, apabila kita utamakan ALLAH S.W.T., segala urusan dunia akan mengikuti kita.

Persediaan di peringkat pengajian pula ialah dengan memastikan apakah syarat-syarat yang wajib dipenuhi bagi kalian dapat menamatkan pengajian kalian. Sebagai contoh, ada universiti yang menetapkan syarat wajib untuk menamatkan pengajian ialah terbitkan dua jurnal dan menghadiri seminar. Pastikan kalian telah mempunyai perancangan yang tersusun bilakah waktu dan ketika yang sesuai untuk kita berjaya penuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak universiti tempat pengajian kalian. Perbincangan dengan penyelia dari semasa ke semasa juga sangat-sangat penting. Jadikan penyelia seperti rakan rapat dimana sentiasa berkomunikasi dan bertukar buah fikiran agar pengajian anda berjalan lancar.



NIAT UNTUK DAPATKAN KEREDHAAN ALLAH S.W.T.

Tidak dinafikan, kita ada pelbagai alasan tersendiri kenapa kita sambung PhD. Ada yang sambung PhD disebabkan oleh tuntutan kerja. Ada pula sekadar mengisi masa sementara mencari kerja. Walau apapun alasan kenapa kita sambung belajar, pastikan terselit niat untuk dapatkan keredhaan ALLAH S.W.T. Tanpa keredhaan-Nya, kehidupan kita sekadar duniawi semata sedangkan dunia ini hanyalah singgahan sementara sebelum kita dijemput menemui-Nya.

Jadikanlah keseluruhan kehidupan kita sebagai satu ibadah kepada-Nya sepertimana kita sering lafazkan sewaktu kita berdiri mengadap-Nya ketika menunaikan solat lima waktu dalam sehari. Ini dinyatakan dengan jelas dalam Al-Quran Surah al-An'am, ayat 162 dan 163 iaitu:

“*Sesungguhnya, solatku ibadahku hidupku dan matiku hanyalah milik ALLAH S.W.T., Tuhan pemilik sekalian alam. Tidak ada sekutu bagi-Nya dan demikianlah aku diperintahkan dan aku termasuk dari golongan kaum muslimin.*”

KETIKA DILANDA UJIAN DAN KEBUNTUAN

Pengajian di peringkat PhD ini umpama satu pengembaraan panjang yang penghujungnya samar-samar kelihatan. Ianya juga umpama kita di campak di tengah lautan, terkapai-kapai keseorangan untuk menuju ke tepian pantai. Makanya, pergantungan utama kita semestinya kepada ALLAH S.W.T. Disebabkan itulah, saya klasifikasikan PhD sebagai pergantungan hanya dengan-Nya. Pastinya, disepanjang pengembaraan ilmu ini, banyak ujian dan dugaan yang akan kita tempuhi. Kadangkala ujian dan dugaan yang kita hadapi tidak pernah terlintas di akal fikiran ianya boleh terjadi. Namun, itulah yang membuktikan kekuasaan ALLAH S.W.T. dengan kalimah *KUN FA YAKUN*, terjadilah, maka terjadilah.

Semakin kita menimba ilmu, kita akan terasa semakin banyak yang kita tidak tahu. Ini membuktikan bahawa, hanya ALLAH S.W.T. yang MAHA MENGETAHUI segalanya. Kita hanyalah insan lemah tanpa ALLAH S.W.T. Tanpa pertolongan daripada-Nya, kita pasti mudah tersasar dan hilang punca. Akhirnya, kita terus buntu disebabkan oleh kelemahan kita sendiri.



Sahabat sekalian, tinggalkan seketika urusan pengajian ini di saat kebuntuan melanda diri. Luangkan masa bersama keluarga tercinta, pergilah bercuti seketika. InsyaALLAH, perubahan tempat dan suasana baharu sedikit sebanyak akan menaikkan semula semangat untuk meneruskan pengajian kalian.

Selain daripada itu, ujian dari segi hubungan kekeluargaan, kesihatan dan juga kewangan juga adalah antara ujian yang kerap kali kita dengari didendangkan oleh bekas-bekas siswazah pengajian PhD. Ada yang diuji dengan kesihatan iaitu jatuh sakit saat perjalanan pengajian berada di kemuncak. Di awal pengajian, alhamdulillah sihat walafiat, tetapi tidak ketika melayari pengembaraan pengajian PhD. Ini disebabkan terlalu memikirkan kemampuan yang terbatas tanpa meletakkan tiada yang mustahil di sisi ALLAH S.W.T. Akhirnya, kita tewas dengan emosi sendiri yang mana mengundang tekanan yang tinggi dan melampau sehingga ianya menjadi asbab pembuka kepada pelbagai masalah dan penyakit. *Nauzubillahi min zalik*. Semoga kalian semua terlindung daripada perihai sebegini.

Tak kurang jugak yang diuji dari segi hubungan kekeluargaan. Ada yang ketika menyambung pengajian PhD, terpaksa mengambil keputusan untuk berpisah dengan alasan tersendiri. Ada yang menyatakan pasangan tidak memahami dan menyusahkan. *Allahuakbar*. Allah Maha Besar. Sungguh besar sekali ujian yang mereka hadapi. Janganlah kalian cepat melatah apabila emosi kalian tidak stabil. Carilah ALLAH S.W.T. setiap masa dan ketika agar kehidupan kita sentiasa dalam rahmat dan kasih sayang-Nya. InsyaALLAH.

Ingatlah kalian, kita sambung pengajian di peringkat PhD bukan untuk mendapat pelbagai penyakit seperti tekanan darah tinggi, kemurungan, kegelisahan dan seangkatan dengannya. Kita cuma mahukan segulung ijazah agar kita terus dapat menyampaikan ilmu dan dakwah untuk kejayaan umat manusia di masa mendatang. Apabila pengembaraan pengajian kita mengambil masa yang lebih lama, maka pengorbanan dari segi kewangan sangat di perlukan. Di saat ini, kita akan berasa susah dan gelisah. Kita berasa semuanya serba payah. Akan timbul pelbagai mainan emosi andai kita terus biarkan diri dibuai situasi. Ayuh sahabat semua, teruskan melangkah walaupun terasa seperti lori muatan penuh. Jangan pernah terfikir untuk berhenti, tapi hanya fikir untuk berehat seketika selagi mana perjuangan PhD belum menemui penghujungnya.

Malahan, tanamkan di dalam diri kalian, kebuntuan ataupun ujian yang dihadapi adalah dengan izin dan pengetahuan ALLAH S.W.T.. Maka, pasti ALLAH S.W.T. akan berikan jalan penyelesaian untuk kita hadapinya. Selagi mana, kita bergantung dengan-Nya tiada ujian ataupun kebuntuan yang tidak ada sinar penghujungnya. Sememangnya, hanya ALLAH S.W.T. yang mampu memperkuatkan kita dan sememangnya kita tidak mampu untuk menjalani kehidupan ini sendirian. Ini ada dinyatakan oleh-Nya dalam al-Quran surah Fatir, ayat 15:

PENUTUP

Terlalu banyak nikmat dan rahmat yang telah Allah S.W.T. kurniakan buat kita. Untuk mendapatkan segulung ijazah PhD, pastinya bukan semudah membeli gula-gula di kedai. Ianya pasti dibalut dengan ujian dan kebuntuan. Kadangkala kita rasa gelisah, ada ketikanya kita rasa susah. Kedua-duanya membuatkan mata kita basah dan akhirnya air mata pun mengalir tumpah. Tiada siapa yang memahami, hanya ALLAH S.W.T. tempat untuk mengadu. Itulah lumrah yang boleh dikatakan hampir semua pelajar siswazah PhD menghadapinya. Andai kita berfikir mampu berdiri di atas kaki sendiri tanpa pergantungan dengan-Nya, kita akan lemah dan lesu yang akhirnya membawa kepada kekecewaan dan putus asa. Sentiasalah berbisik di bumi, yang mana didengari di langit iaitu berdoa kepada-Nya. Pergantungan kita hanya dengan-Nya. Akhir kalam, sematkan tiga patah perkataan ini senantiasa di hati dan sanubari iaitu:

“*Hai manusia, kamulah yang sangat perlukan kepada Allah; dan Allah Dialah yang Maha Kaya (tidak memerlukan sesuatu) lagi Maha Terpuji.*”

Disamping itu, hindarilah diri daripada rasa lemah, bersalah dan sentiasa menyalahkan diri. Jangan pernah kita mempersoalkan kenapa kita diuji sebegini dan sebegitu. Hal ini, Allah S.W.T. ada menegur kita di dalam al-Quran surah Ali Imran, ayat 139 iaitu:

“*Janganlah kamu bersikap lemah dan jangan pula bersedih hati. Padahal kamulah orang-orang yang tertinggi jika kamu orang-orang yang (sungguh-sungguh) beriman.*”

Bagi tiap-tiap seorang ada malaikat penjaganya silih berganti dari hadapannya dan dari belakangnya, yang mengawas dan menjaganya (dari sesuatu bahaya) dengan perintah Allah. Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri. Dan apabila Allah menghendaki untuk menimpakan kepada sesuatu kaum bala bencana (disebabkan kesalahan mereka sendiri), maka tiada sesiapa yang dapat menolak atau menahan apa yang ditetapkanNya itu, dan tidak ada sesiapa yang dapat menolong dan melindungi mereka selain daripadaNya.
(Surah Ar-Ra'd, Ayat 11)





Menangani Stres

Wanita Berkerjaya

Dr Noradina Nordin, MBBS (Lond), MPhil (Cantab)
Pegawai Perubatan UD43, Pusat Kesihatan
Universiti UniMAP, Universiti Malaysia Perlis,
02600 Pauh Putra, Perlis, Malaysia.
Emel: noradina@unimap.edu.my



Jam di dinding menunjukkan jam 6.30 petang. Namun Puan Maria masih lagi giat menaip di komputer kerjanya, sambil sesekali matanya gelisah melirik pada waktu yang semakin laju berjalan. Berkerut-kerut dahinya menahan sakit denyutan di kepala. Sebentar tadi dia dimarahi oleh ketuanya kerana terlupa menyiapkan dokumen penting untuk mesyuarat esok. Dia diberikan tempoh untuk menyelesaikannya hari ini juga, meskipun dia terpaksa bekerja lebih masa. Pada masa yang sama, dia teringat akan dua orang anaknya di rumah. Entah sudah makankah mereka, sudah bersiapkah mereka untuk kelas tuisyen pada malam ini. Kemudian, teringat pula kepada suami yang di kejauhan dek mencari rezeki di negeri lain. Puan Maria menghela nafas yang berat, memikirkan sampai bilakah tempoh perkahwinan jarak jauh ini akan berlarutan. Bilakah masanya mereka dapat tinggal bersama semula agar tugas di rumah serta tanggungjawab mendidik anak-anak dapat dilaksanakan bersama, dan bukan hanya tergalas di bahunya seorang. Tanpa disedari, air matanya tumpah membasahi pipinya.

Namun, bagi sesetengah wanita, situasi sebegini cukup untuk dijadikan *trigger* kepada isu yang lebih besar, iaitu masalah kemurungan (*depression*). Bagi kebanyakan kita, meskipun tidak menyebabkan kemurungan, namun tidak dapat dinafikan situasi ini memberikan tekanan atau stres kepada diri kita.

APA ITU STRES?

Stres atau tekanan adalah tindak balas fizikal, emosi dan mental seseorang terhadap sebarang perubahan atau tuntutan. Dalam situasi stres, badan kita akan merembeskan *hormon adrenalin* dan *cortison* yang menyebabkan jantung berdegup lebih kencang, pernafasan bertambah laju dan peningkatan tekanan darah tinggi.

Situasi di atas mungkin tidak asing bagi sesetengah wanita berkerjaya hari ini. Seiring dengan arus modenisasi dan kenaikan kos sara hidup masa kini, wanita dihadapkan dengan tanggungjawab yang besar dan cabaran harian yang tidak kurang beratnya. Tugas sebagai seorang isteri, ibu, wanita berkerjaya, anak, dan sebagainya ada kalanya turut disertai dengan kesulitan dan konflik.

Bagi kebanyakan kita, situasi sebegini mungkin tidak memberikan impak yang besar kepada kesihatan mental kita. Mungkin disebabkan kita mempunyai sistem sokongan lain yang kuat, misalnya mempunyai ibu bapa yang tinggal berdekatan untuk membantu meringankan beban, ataupun kewangan yang kukuh untuk menggaji pembantu, situasi sebegini masih mampu diatasi.

Stres tidak semestinya membawa konotasi yang buruk kerana setiap dari kita memerlukan sedikit tahap stres untuk memotivasikan diri kita untuk ke arah yang lebih baik. Contohnya, Sasaran Kerja Tahunan (SKT) yang ditetapkan setiap tahun mungkin tampak sebagai satu bebanan dan stres kepada seseorang pekerja. Namun dengan menetapkan SKT setiap tahun, pekerja itu akan lebih bermatlamat dan bermotivasi untuk mencapai target yang telah ditetapkan kerana ia menyumbang kepada kenaikan gaji dan pangkat seseorang itu.

Namun begitu, stres yang berlebihan dan tidak terkawal adalah gejala yang tidak sihat dan mampu menyumbang kepada masalah mental yang lebih serius, iaitu *depression* (kemurungan). Baru-baru ini, Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) mendedahkan bahawa lebih

400,000 penjawat awam yang merangkumi 25-30% daripada warga sektor itu didapati mengalami tekanan emosi, dengan sebahagiannya mempunyai kad rawatan psikiatri.

(Sumber: Berita Harian 19 Mac 2019)

Punca-punca stres wanita berkerjaya

Jika ditanya setiap dari wanita berkerjaya masa kini, apakah yang menyebabkan mereka stres, pastinya banyak faktor-faktor penyumbang yang dapat disenaraikan.

FAKTOR INTERNAL (DALAMAN)

1. Personaliti jenis A

Wanita yang mempunyai personaliti jenis A bercita-cita tinggi (*ambitious*), berkehendakkan kesempurnaan dalam segalanya (*perfectionist*) dan berdaya saing yang tinggi (*competitive*). Ketidaksempurnaan dalam sesuatu perkara dapat menyebabkan mereka berasa kecewa dan tertekan. Mereka ini dikaitkan dengan kadar stres dan penyakit-penyakit berkaitan stres yang lebih tinggi.

2. Kurang keyakinan diri

Wanita yang kurang keyakinan diri mudah merasakan sesuatu yang di luar norma hariannya sebagai satu sumber stres yang besar. Ketidakpercayaan pada keupayaan diri dan pemikiran yang negatif dapat menyebabkan perasaan yang tidak tenang dan stres.



3. Masalah kesihatan

Masalah kesihatan, terutamanya penyakit-penyakit kronik, seperti kencing manis yang tidak terkawal menyebabkan seseorang itu hilang keupayaan untuk berfungsi secara normal sepenuhnya dalam menjalankan tugas dan aktiviti harian, samada tugas terhadap dirinya sendiri, keluarga, mahupun di tempat kerja. Limitasi ini dapat menjadi penyebab kepada stres kepada individu itu. Masalah kesihatan juga dapat menyumbang kepada masalah-masalah lain seperti bebanan kewangan, masalah rumahtangga, dan sebagainya.

4. Bebanan kewangan

Wang ringgit meskipun bukan segalanya, tetap menjadi salah satu tunggak kelangsungan hidup di zaman ini. Kenaikan kos sara hidup, keinginan materialistik yang tidak mampu dipenuhi, serta bebanan hutang dan tanggungan tidak dapat disangkal menjadi faktor penyumbang stres yang besar dalam kehidupan seseorang.

FAKTOR EXTERNAL (LUARAN)

1. Keluarga

Pasangan hidup, iaitu suami, anak-anak, ibu bapa, mertua, adik beradik, ipar duai, sanak saudara merupakan salah satu faktor luaran untuk seseorang pekerja wanita mengalami stres. Suami yang tidak memahami kepenatan isteri yang turut sama mencari rezeki untuk keluarga dan tidak membantu meringankan tugas di rumah, anak-anak yang ramai yang memerlukan perhatian lebih si ibu, mertua yang sering mengkritik keputusan wanita itu untuk bekerja, dan sebagainya adalah antara contoh *stressor* yang sering terjadi dalam sesuatu keluarga itu.

2. Pekerjaan

Tekanan di tempat kerja termasuklah majikan yang sentiasa menekan dan tidak memahami, suasana kerja yang tidak kondusif, bebanan kerja yang terlampau banyak atau terlampau sedikit adalah antara faktor penyebab stres dalam pekerjaan.

3. Persekitaran

Contohnya, jiran yang tidak bertimbangrasa atau suka membuat bising, atau kawasan perumahan yang banyak berlaku kes-kes kecurian atau jenayah.

Senarai di atas bukanlah eksklusif, dan pastinya terdapat lebih banyak lagi faktor-faktor lain yang dapat menyumbang kepada stres. Juga harus diingat, sesuatu yang menjadi penyebab stres kepada seseorang itu tidak semestinya juga menjadi penyebab stres kepada individu yang lain. Namun, ini tidak bermakna kita dapat mempelekehkan seseorang yang merasa stres atau tertekan atas sesuatu sebab yang tampak remeh pada pandangan kita.

Bagaimanakah untuk kita mengenalpasti samada kita mengalami stres?

Adakah anda mengalami masalah susah untuk fokus, mudah lupa atau sukar untuk tidur (*insomnia*)? Atau kadangkala merasakan jantung anda berdegup laju atau merasa kecut perut tanpa sebab? Atau mungkinkah selera makan dan berat badan anda menyusut tanpa sengaja?



Jika anda berkata ya pada salah satu atau kesemua simptom-simptom ini, ia mungkin menunjukkan (tetapi tidak semestinya) anda mengalami stress.

Simptom-simptom lain termasuklah sakit kepala, masalah penghadaman seperti mual, perut berangin, dan makanan susah hadam, serta emosi yang tidak stabil seperti mudah merasa cemas, risau, kecewa, cepat naik darah dan pemaarah.

Jika anda mengalami salah satu simptom di atas, sebelum anda terus melabelkannya sebagai tanda-tanda stres, disarankan agar anda melakukan pemeriksaan kesihatan terlebih dahulu untuk memastikan ianya bukan tanda-tanda penyakit lain seperti masalah jantung, masalah fungsi *tiroid*, *migrain* dan sebagainya.

Salah satu cara mudah untuk mengenalpasti sama ada kita mengalami stres adalah dengan melakukan ujian saringan DASS (*Depression Anxiety Stress Scales (DASS) Test*). Ia adalah ujian saringan bertulis untuk mengenalpasti tahap kemurungan (*depression*), keresahan (*anxiety*) dan stres seseorang. Tetapi harus diingat bahawa keputusan ujian saringan DASS bukanlah satu diagnosis kepada masalah-masalah mental di atas, ataupun pengganti kepada penilaian oleh professional perubatan. Namun demikian, ia dapat digunakan sebagai penanda aras untuk anda berjumpa dan mendapatkan penilaian yang lebih terperinci oleh Pegawai Perubatan yang bertauliah. Ujian saringan DASS ini dapat dilakukan secara online melalui carian laman web.

Kesan stres kepada kesihatan

Stres yang melampau dan tidak terkawal melemahkan sistem imuniti atau pertahanan badan kita. Akibatnya, kita akan lebih mudah diserang penyakit. Ia juga menyumbang kepada gaya hidup yang tidak sihat seperti makan berlebihan atau terlalu berkurangan, menghisap rokok, ketagihan arak, dan penyalahgunaan dadah. Pada jangka masa panjang, ini dapat menyumbang kepada masalah kesihatan seperti obesiti, anoreksia atau bulimia, tekanan darah tinggi, paras kolesterol tinggi, penyakit jantung, strok, dan sebagainya. Masalah mental seperti keresahan (*anxiety*), kemurungan (*depression*), mania juga apabila diselidik dan dinilai, ada kalanya bertitik-tolak daripada stres yang tidak terkawal.

Jadi apakah yang perlu dilakukan untuk mengatasi stres?

Seseorang yang mengalami stres boleh mengurangkan kadar stres yang dialami dengan mengamalkan kaedah 10B seperti yang disarankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Kaedah 10B ini adalah:

1. Bertenang

Setiap kali anda berdepan dengan situasi yang penuh dengan stres, cuba reset minda dan emosi anda. Sebelum anda dikuasai oleh perasaan gusar dan gelisah, ambil sedikit masa untuk menarik nafas yang dalam, bertenang dan menganalisa sesuatu situasi atau permasalahan itu secara rasional, dan bukan dalam keadaan panik.

2. Bernafas dengan dalam

Latihan pernafasan dalam (*deep breathing exercise*) adalah salah satu cara terbaik untuk mengurangkan paras stres dalam diri kita. Apabila kita bernafas dengan dalam, ia menghantar isyarat kepada otak agar bertenang dan rehat. Otak kemudiannya akan menghantar isyarat kepada seluruh badan kita untuk menurunkan degupan jantung yang laju, pernafasan yang lelah dan tekanan darah yang tinggi. Latihan pernafasan amat mudah untuk dipelajari dan terdapat banyak cara yang boleh kita adaptasi untuk membantu kita mengurangkan kadar stres.

3. Berkata "rilekslah" atau tidak mengapa

Anda mungkin tidak menyangka betapa besarnya kesan kata-kata semangat dan motivasi kepada diri sendiri terhadap emosi dan mental kita. Cuba katakan kata-kata positif ini kepada diri sendiri, "Rilekslah!", "Tidak mengapa", "*I can do it!*". Ulang kata-kata ini dengan penuh semangat berkali-kali kepada diri anda sendiri melalui cermin. Kejayaan dalam sesuatu perkara itu selalunya bermula dari semangat dan keazaman dalam diri kita sendiri.

4. Beribadat

Pada satu tahap dalam kehidupan harian kita, ada kalanya kita perlu *hit the pause button* dari kesibukan dan masalah duniawi. Tinggalkan kesibukan dan keresahan anda seketika, dan ambil sedikit masa untuk bermuhasabah dan "mengadu" kepada Tuhan dengan beribadat kepadaNya melalui solat, zikir, doa, mengaji, berpuasa, mendengar ceramah agama, dan sebagainya. Lihat sejauh manakah kesannya kepada kesihatan mental dan fizikal anda apabila anda mendekatkan diri kepada Yang Maha Esa.



5. Bercakap dengan seseorang ✓

Luahkan dan berkongsilah segala kekusutan yang anda alami dengan ahli keluarga dan rakan-rakan rapat yang anda percayai. Jika stres yang anda alami berpunca daripada suami yang tidak memahami bebanan kerja dan tanggungjawab di rumah anda contohnya, luahkan apa yang terbuka dalam hati anda kepadanya. Bercakap dengan lemah lembut dan jangan terbawa-bawa dengan emosi. Jelaskan dengan nyata sebarang bantuan dan perhatian yang anda perlukan dari suami. Ada kalanya, suami tidak memahami bahasa tubuh si isteri yang kepenatan. Lelaki lebih mudah memahami kata-kata yang jelas dan tidak berselindung. Apabila kita berkongsi masalah anda dengan orang lain, kita akan merasa lebih lega dan tenang, di samping merasa disayangi dan diambil berat oleh insan-insan penting dalam hidup kita.

Sekiranya stress yang anda alami disebabkan oleh isu yang lebih berat, anda juga boleh mendapatkan bantuan dari ahli profesional dalam pengurusan stres seperti kaunselor, pakar psikologi, doktor, dan pakar psikiatri.



6. Berurut ✓

Stres menyebabkan otot-otot kita terutamanya di bahagian leher dan bahu mejadi lebih tegang. Berurut dan berspa bukan sahaja dapat melegakan tegangan otot and melancarkan peredaran darah, malah dapat memberikan "me time" yang amat jarang diperolehi oleh wanita bekerjaya dan berkeluarga masa kini. Mintalah pada suami anda sedikit masa untuk anda memanjakan diri anda. Anda pastinya akan berasa lebih segar untuk memulakan lembaran baru kehidupan anda.

7. Berehat dan mendengar musik ✓

Berehat dan mendengar alunan musik yang lembut membantu menenangkan fikiran serta menurunkan degupan jantung yang laju. Lupakan seketika timbunan baju yang perlu dibasuh atau longgokan pinggan mangkuk yang perlu dicuci. Rehat seketika dengan secawan kopi sambil mendengar musik, atau ambil waktu pagi hujung minggu anda untuk tidur sedikit lama dari biasa untuk mengembalikan tenaga dan mood anda.



8. Beriadah ✓


Luang masa lapang anda untuk aktiviti luar seperti membeli-belah, bersiar-siar atau bercuti bersama keluarga. Apabila kita berasa bahagia, badan kita akan menghasilkan hormon *serotonin*, *dopamin*, dan *endorfin* (*happy hormones* atau hormon gembira) yang meningkatkan mood kita, menyebabkan kita berasa tenang, lebih fokus dan meningkatkan motivasi dan produktiviti diri. Cabar diri anda melakukan aktiviti baru yang lasak, contohnya *rock climbing* dan *bungee jumping*. *Adrenalin rush* yang dihasilkan melalui aktiviti sebegini mampu menaikkan semangat dan meningkatkan mental dan fizikal *alertness*. Mempunyai rangkaian kawan-kawan yang baik yang boleh menyokong dan membantu anda juga amat penting. Luangkan masa anda bersama kawan-kawan untuk bebas daripada tekanan di rumah atau pejabat seketika.

9. Bersenam ✓

Bersenam juga boleh membantu mengurangkan stres dan ketegangan otot. Kita disarankan untuk bersenam sekurang-kurangnya 150 minit seminggu. Antara senaman yang boleh dilakukan termasuklah berjalan, berlari, zumba, yoga, menyertai sukan. dan sebagainya. Selain menyihatkan tubuh badan dan melindungi dari penyakit-penyakit kronik, bersenam juga meningkatkan pengeluaran hormon gembira (*dopamin*, *serotonin*, *endorfin*).

Seiring dengan aktiviti senaman, mengamalkan pemakanan yang seimbang juga penting untuk mengurangkan stres. Banyakkan memakan sayur-sayuran dan buah-buahan dalam menu harian, dan kurangkan makanan yang berminyak, berlemak, tinggi garam serta makanan proses yang tidak sihat. Kesihatan yang baik memberikan hidup yang lebih bermakna dan kurang stres. Selain itu, makanan seperti teh, kekacang, susu, yogurt, ikan berlemak seperti salmon dan makarel, rempah ratus dan sebagainya dapat mengurangkan stres secara langsung dengan mengurangkan paras hormon stres dan meningkatkan paras hormon gembira.





10. Berfikiran positif

Salah satu punca stres adalah disebabkan oleh salah tafsir dan prasangka kita terhadap sesuatu situasi. Berfikirilah secara positif, dan lihatlah kebaikan dan hikmah di sebalik situasi yang negatif. Kenali diri kita dengan lebih baik melalui muhasabah diri dan maklum balas dari orang sekeliling. Belajar untuk lebih percaya dan yakin akan keupayaan diri. Kenalpasti situasi, individu, tingkah laku dan pemikiran yang menyumbang kepada stres. Kemudian analisa stressor ini dengan pemikiran yang tenang dan logik, dan fikirkan solusi yang terbaik dan rasional untuk menangani stres ini. Buat catatan untuk ada rujuk di masa akan datang.

Selain itu, kita juga perlu menjauhkan diri dari individu dan perkara-perkara yang negatif yang tidak berkaitan dengan hidup kita. Contohnya, dengan tidak bergaul dengan rakan-rakan yang

gemar mengumpat akan mengelakkan diri kita dari diselubungi prasangka, rasa tidak puas hati, dan konflik serta membuatkan kita lebih tenang dan ceria.

Rumusan

Stres di kalangan wanita berkerjaya adalah satu masalah yang jika tidak dikawal dengan baik, dapat menjadi prekursor kepada masalah mental yang lebih serius. Oleh itu, tidak harus dipandang enteng dan dijadikan sebab untuk memperkecilkan kemampuan seseorang wanita itu.

Wanita hari ini adalah tunggak keluarga, masyarakat, anak bangsa dan negara. Tugas yang tergalas di bahu mereka amat besar dan bermakna. Sumbangan yang diberikan oleh wanita meliputi segenap aspek, termasuklah kekeluargaan, ekonomi, pendidikan, kesihatan, dan sebagainya. Jatuhnya wanita hari ini, bermakna jatuhnya juga institusi keluarga, pekerjaan, ummah, dan negara. Maka stres perlu ditangani secara pantas dan berterusan untuk memastikan kesihatan fizikal, emosi, dan minda seseorang wanita itu.

Berbalik kepada situasi yang diberikan di permulaan artikel ini, jika anda di tempat Puan Maria, apakah yang akan anda lalukan? Adakah anda akan terus rebah dan mengalah, atau anda mahu terus bangkit berjuang menggalas tanggungjawab yang besar ini?

Semoga penulisan ini bermanfaat untuk semua *Superwoman* hari ini, tidak kira sama ada anda berkerjaya mahupun tidak.

“Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: “Kami beriman”, sedang mereka tidak diuji (dengan sesuatu cubaan)? Dan demi sesungguhnya! Kami telah menguji orang-orang yang terdahulu daripada mereka, maka (dengan ujian yang demikian), nyata apa yang diketahui Allah tentang orang-orang yang sebenar-benarnya beriman, dan nyata pula apa yang diketahuinya tentang orang-orang yang berdusta.”
(Surah Al-Ankabuut, Ayat 2-3)

BEBAS STRESS

LELAH KEPADA LILLAH



Rashidah Hj. Che Yob
Jabatan Teknologi Kejuruteraan Elektronik,
Fakulti Teknologi Kejuruteraan
rashidahcheyob@unimap.edu.my

PENDAHULUAN

Perkataan lelah yang turut sinonim dengan letih sering menjadi peneman setia diucapkan saban hari. Tambahan pula, dengan keadaan sekarang yang mendesak kita untuk menambah ilmu pengetahuan mengenai medium pembelajaran dan pengajaran secara atas talian. Dalam erti kata lain, tuntutan pembelajaran dan pengajaran secara atas talian telah menjadikan hal-hal kerja tiada keterbatasan masa hanya sewaktu bekerja, iaitu lapan jam sehari. Persediaan bahan-bahan untuk pembelajaran secara atas talian menjadikan lelah itu meningkat secara berlipat berganda. Ramai yang mengeluh dan merintih terasa letih untuk menghasilkan bahan pengajaran dan pembelajaran secara atas talian. Tambahan pula, hasil yang diperolehi belum tentu akan diterima baik dan dimanfaatkan sebaik mungkin. Hal ini sedikit sebanyak akan menjadikan semangat untuk meneruskan proses pengajaran dan pembelajaran secara atas talian berkurangan dan lama kelamaan beransur hilang. Apakah tindakan dan pendekatan yang dapat diperhalusi agar diri kita sentiasa termotivasi untuk terus melakukan yang terbaik?

NIAT KERANA ALLAH S.W.T

Sesuatu perkara yang dilakukan adalah berdasarkan niat. Jadinya, perkara pertama yang kita dapat lakukan ialah betulkan semula niat kita. Kita hendaklah sentiasa niatkan segala urusan kerja mahupun urusan kehidupan kita hanya kerana ALLAH SWT, iaitu LILLAHITAALA. LILLAH membawa maksud semata kerana ALLAH. Kita boleh cuba praktikkan untuk mengubah perkataan lelah yang sering menjadi bicara bibir dan hati kita saban hari kepada LILLAH. Sebagai contoh, "LILLAH buat kerja hari ini". Secara tidak langsung, kita telah menyatakan, "SEMATA KERANA ALLAH buat kerja hari ini".

Tidak dinafikan, ianya bukan lah sesuatu yang mudah untuk kita tukarkan lelah kepada lillah, kerana perkataan lelah boleh dikatakan telah sebatikan dengan diri kita sekian lama. Namun, tak salah untuk mencuba agar kehidupan kita sentiasa berada di dalam rahmat dan kasih sayang ALLAH SWT. InsyaALLAH. Jadikanlah keseluruhan kehidupan kita sebagai satu ibadah kepada ALLAH SWT sepertimana kita sering lafazkan sewaktu ketika menunaikan solat lima waktu dalam sehari. Ini dinyatakan dengan jelas dalam Al-Quran Surah al-An'am, ayat 162 dan 163 iaitu:

"Sesungguhnya, solatku ibadahku hidupku dan matiku hanyalah milik ALLAH S.W.T., Tuhan pemilik sekalian alam. Tidak ada sekutu bagi-Nya dan demikianlah aku diperintahkan dan aku termasuk dari golongan kaum muslimin."

Hanya bermula dengan niat, ianya akan menjurus kepada satu sifat ikhlas semata kerana ALLAH SWT. Sifat ikhlas ini bukanlah sesuatu yang mudah untuk dilihat ataupun diukur tetapi ianya tidak mustahil untuk dikecapi dengan izin ALLAH SWT.



LELAH KEPADA LILLAH

Selain itu, ianya juga merupakan salah satu motivasi kepada diri kita sendiri untuk sentiasa melakukan yang terbaik semata kerana ALLAH SWT. Yakinlah kita bahawasanya seseorang yang bekerja semata kerana ALLAH SWT akan sentiasa dipermudahkan segala urusan, malahan rezeki daripada ALLAH SWT akan diperolehi tanpa diduga. Sesuai dengan janji ALLAH SWT dalam Al-Quran Surah Al-Jumu'ah, ayat 10:

“Setelah selesai sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia ALLAH SWT, serta ingatlah akan ALLAH SWT banyak-banyak (dalam segala keadaan), supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat).”

MENJADI INSAN YANG MEMBERI MANFAAT BUAT INSAN LAIN

Kehidupan kita di dunia ini adalah sekadar persinggahan sementara, yang kekalnya di akhirat kelak. Dalam kehidupan yang singkat ini, pernahkah terlintas untuk kita merenung sejenak, apakah kehidupan kita selama ini memberikan manfaat buat insan lain? Atau pun hanya banyak menyusahkan daripada menyenangkan orang lain? Sebenarnya, ALLAH SWT mencipta semua makhluk dengan taraf yang sama disisi-Nya tanpa mengira bangsa mahupun warna kulit. Lahirnya kita di dunia ini umpama sekeping kain putih. Seterusnya, amalan-amalan kita yang akan membezakan kita samada dimuliakan ataupun dihina oleh ALLAH SWT.


Sepertimana sabda Rasullullah SAW yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim:

“Sebaik-baik manusia diantaramu adalah yang paling banyak manfaatnya bagi orang lain.”

Apa yang dimaksudkan dengan perkataan manfaat itu tidaklah hanya terbatas ataupun terhad kepada memberi sesuatu semata, seperti harta, barangan ataupun pertolongan sahaja. Malahan, ianya membawa maksud yang lebih meluas. Sebagai contoh, memberi tunjuk ajar dengan ilmu dan dipraktikkan pula di dalam kehidupan seseorang. Ianya juga adalah salah satu yang bermanfaat. Kita perlu ketahui bahawa keperluan setiap individu itu berbeza. Mungkin, seseorang itu tidak memerlukan ilmu kerana sudah mengetahui ataupun memiliki ilmu tersebut. Manakala, ada sesetengah individu yang tidak memerlukan harta kerana harta yang dimilikinya sudah mencukupi. Sememangnya kita tidak akan dapat lari daripada terasa lelah dengan pekerjaan yang dilakukan, sepertimana dinyatakan di dalam Al-Quran Surah Al-Insyiqaq, ayat 6 iaitu:

“Wahai manusia! Sesungguhnya engkau sentiasa berpenat-lelah (menjalankan keadaan hidupmu) dengan sedaya upayamu hinggalah (semasa engkau) kembali kepada Tuhanmu, kemudian engkau tetap menemui balasan untuk apa yang engkau telah usahakan itu (tercatit semuanya).”

Oleh itu, jadikanlah perasaan lelah kepada lillah dalam memberikan manfaat kepada orang lain agar ianya menjadi asbab kita sentiasa mendapat rahmat dan kasih sayang daripada ALLAH SWT. Kita akan merasa tenang, damai dan bahagia dalam menjalani kehidupan yang semakin mencabar ini.



“Boleh jadi kamu benci kepada sesuatu padahal ia baik bagi kamu, dan boleh jadi kamu suka kepada sesuatu padahal ia buruk bagi kamu. Dan (ingatlah), Allah jualah Yang mengetahui (semuanya itu), sedang kamu tidak mengetahuinya.”
(Surah Al-Baqarah, Ayat 216)

PENUTUP

Sebagai manusia biasa, semestinya kita tidak akan dapat lari daripada menghadapi rasa lelah disebalik setiap pekerjaan yang dilakukan. Namun, perlu dipasakkan di dalam minda dan hati kita sebagai seorang muslim, segala sesuatu itu adalah hanyalah semata kerana ALLAH SWT. Barulah kita akan sentiasa termotivasi dalam melakukan sebarang pekerjaan dan perasaan lelah akan bertukar kepada lillah. Disamping itu, kita pastinya akan terhindar daripada perasaan iri hati dan dengki. Hanya bermula dengan niat hanya kerana ALLAH SWT, seterusnya akan mendorong kepada lahirnya rasa ikhlas. Dengan perasaan ikhlas tersebut, pastinya kita dapat memberikan manfaat buat insan lain. InsyaALLAH, dengan rahmat dan kasih sayang daripada ALLAH SWT, kita akan sentiasa terinsriprasi untuk menjadi sebaik-baik manusia.

**Lelah Kepada Lillah
Penat Menjadi Ibadah
Perkerjaan Menjadi Lebih Berkah
Kehidupan Sentiasa
Terhampar Indah**



AKTIVITI - AKTIVITI PUSAT ISLAM & PEMBANGUNAN INSAN UniMAP

KULIAH DHUHA “MANUSIA DAN MASA”



BENKEL PENYEDIAAN TATACARA DAN GARIS PANDUAN PENGURUSAN ZAKAT MAIPS DI UniMAP



AKTIVITI - AKTIVITI PUSAT ISLAM &
PEMBANGUNAN INSAN UniMAP

**KURSUS PENGURUSAN JENAZAH DAN
PERKHIDMATAN MOBILE KAUNTER TH**



AKTIVITI - AKTIVITI PUSAT ISLAM & PEMBANGUNAN INSAN UniMAP

PROGRAM - PROGRAM SEMPENA SAMBUTAN IHYA RAMADAN 1441H/2020M

SANTAI RAMADAN DI UniMAP FM

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
Santai Ramadan
Di UniMAPfm
BERSAMA TETAMU :
YBRS. USTAZ MUHAMMAD ADIB
BIN HAJI HASSAN
PENGARAH
PUSAT ISLAM & PEMBANGUNAN INSAN
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
LIVE
Online Streaming : <http://unimap.listen2myradio.com>
23 APRIL 2020 | 12.00 PETANG
(KHAMIS)
Tonton di Facebook
Universiti Malaysia Perlis

USRAH ONLINE : PERJALANAN SEBUAH RAMADAN

USRAH ONLINE
Sumbang Santai Bersama
USTAZ FIKRI AIMAN
Moderator
LUQMAN
BIN NURUL JAMIL
EXCO PEMBANGUNAN
MODAL INSAN
Perjalanan
SEBUAH
Ramadan
JUMAAT • 24 APRIL 2020 •
SAHABAT PUSAT ISLAM
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
DEVELOPING MUKMIN ENGINEERS

AGIHAN SUMBANGAN KEPADA FRONTLINER UNIMAP



AKTIVITI - AKTIVITI PUSAT ISLAM & PEMBANGUNAN INSAN UniMAP

PROGRAM - PROGRAM SEMPENA SAMBUTAN IHYA RAMADAN 1441H/2020M


USRAH ONLINE : "THE SPECIAL OF RAMADAN"



PROGRAM JEJAK KASIH PRIHATIN STAF DAN MANTAN STAF UNIMAP



MAJLIS KHATAM AL-QURAN



AKTIVITI - AKTIVITI PUSAT ISLAM & PEMBANGUNAN INSAN UniMAP

MAJLIS IBADAH KORBAN & AKIKAH UNIMAP 1441H/2020M



KUNJUNGAN HORMAT DARI KDN



AKTIVITI - AKTIVITI PUSAT ISLAM & PEMBANGUNAN INSAN UniMAP

MAJLIS SAMBUTAN MAAL HIJRAH 1442H/2020M PERINGKAT UNIMAP



KUNJUGAN HORMAT PUSAT ISLAM & PEMBANGUNAN INSAN (PIMPIN) KE PEJABAT ONE CENTRE MALAYSIA, PERLIS.




**AKTIVITI - AKTIVITI PUSAT ISLAM &
PEMBANGUNAN INSAN UniMAP**

PROGRAM CERAMAH “ ROAD TO FINAL ” (ROTOF)



**KULIAH PERBANDINGAN AGAMA OLEH BRO ZAMRI VINOTH
(COO ONE CENTRE MALAYSIA)**



AKTIVITI - AKTIVITI PUSAT ISLAM &
PEMBANGUNAN INSAN UniMAP

BENGGKEL PERANCANGAN TAKWIM AKTIVITI 2021





Takwim Aktiviti

PUSAT ISLAM & PEMBANGUNAN INSAN 2020

BIL.	NAMA PROGRAM	TEMPAT / PLATFORM	TARIKH
1.	Kuliah Dhuha	Surau Pauh Putra	9.1.2020
2.	Bengkel Penyediaan Tatacara dan Garis Panduan Pengurusan Zakat MAIPs di UniMAP	Langkawi	17-19.1.2020
3.	Tazkirah Maghrib	Musolla Saodah, Kampus UniCITY Alam	21.1.2020
4.	Kursus Pengurusan Jenazah dan Perkhidmatan Mobile Kaunter Tabung Haji	Surau Pauh Putra	23.1.2020
5.	Kuliah Maghrib	Surau Wang Ulu	13.2.2020
6.	Ceramah Perdana "Wabak: Perspektif Sains dan Islam"	Surau Pauh Putra	20.2.2020
7.	Tazkirah Maghrib	Surau Tengku Abdul Rashid (PFi2)	20.2.2020
8.	Mari Mengaji	Surau Tengku Abdul Rashid (PFi2)	25.2.2020
9.	Kuliah Maghrib	Surau Wang Ulu	27.2.2020
10.	Mari Mengaji	Surau Tengku Abdul Rashid (PFi2)	3.3.2020
11.	Kuliah Maghrib	Foyer Blok A Kolej Kediaman Pauh Putra (Bumita)	5.3.2020
12.	Kuliah Maghrib	Surau Tengku Abdul Rashid (PFi2)	5.3.2020
13.	Mari Mengaji	Surau Tengku Abdul Rashid (PFi2)	10.3.2020
14.	Tazkirah Maghrib	Surau Kompleks Perumahan Tun Abdullah Ahmad Badawi (KKI)	12.3.2020
15.	Program Santai Ramadan	UniMAP fm	23.4.2020
16.	Usrah Online	Instagram Sahabat Pusat Islam (SPI)	24.4.2020
17.	Agihan Sumbangan Kepada Frontliner UniMAP	Kampus Alam UniMAP, Pauh Putra	25.4.2020
18.	Usrah Online: "The Special of Ramadan"	Instagram Sahabat Pusat Islam (SPI)	1.5.2020
19.	Program Jejak Prihatin Staf dan Mantan Staf UniMAP	Kediaman Staf dan Mantan Staf UniMAP	6.5.2020
20.	Majlis Khatam al-Quran	Google Meet	20.5.2020
21.	Pengajian Kitab "Al-Iman"	Surau Pauh Putra	24.7.2020
22.	Majlis Ibadah Korban & Akikah UniMAP 1441H/2020M	Kubang Gajah, UniMAP	2.8.2020
23.	Jom Mengaji	Surau Tengku Abdul Rashid (PFi2)	10.8.2020
24.	Kuliah Maghrib	Surau Tengku Abdul Rashid (PFi2)	13.8.2020
25.	Jom Mengaji	Surau Tengku Abdul Rashid (PFi2)	17.8.2020 & 24.8.2020
26.	Kunjungan Hormat dari KDN	Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN)	1.9.2020
27.	Kuliah Perbandingan Agama	Surau Pauh Putra	14.10.2020
28.	Majlis Sambutan Maal Hijrah 1442H/2020M	Auditorium, Bangunan Canselori UniMAP	5.11.2020
29.	Kunjungan Hormat Pusat Islam & Pembangunan Insan ke Pejabat One Centre Malaysia, Perlis	Pejabat One Centre Malaysia, Perlis	12.11.2020
30.	Bengkel Pengurusan Van Jenazah	Pusat Islam & Pembangunan Insan	24.11.2020
31.	Road to Final 2020 (RoToF 2020)	Surau Pauh Putra	30.11.2020
32.	Bengkel Perancangan Takwim Aktiviti 2021	Bilik Mesyuarat, PIMPIN	9.2.2020



ABDUL RAHMAN BIN AUF

- Pedagang Syurga -



MOHD FIKRI AIMAN BIN MOHD ZULKEFLI
PUSAT ISLAM & PEMBANGUNAN
INSAN (PIMPIN)

BIODATA ABDUL RAHMAN BIN AUF

Nama

Nama Abdul Rahman bin Auf RA ialah Abdul Rahman bin Auf bin Abdul Auf bin Abdul bin Harith bin Zahrah bin Kilab bin Murrah bin Ka'ab bin Lu'ai. Nama asal beliau sebelum memeluk Islam ialah Abdul Kaabah atau Abdu Amrin. Lalu Nabi menukar nama itu kepada Abdul Rahman. Ini kerana tidak dianjurkan untuk menamakan sesuatu yang tidak memberi makna yang baik. Nama ibu beliau iaitu Syifa yang merupakan bidan ketika membantu kelahiran Nabi Muhammad s.a.w (Sami Abdullah, 2013).

Selain itu, beliau juga salah seorang daripada 10 sahabat Baginda yang diberi *busyro* (khabar gembira) memperolehi ganjaran syurga (Al-Ghazali, 2013). Hal ini seperti mana yang telah disebut dalam hadis diriwayatkan oleh Said bin Zaid yang merupakan salah seorang sahabat beliau berkata :

Rasulullah s.a.w berkata bahawa aku mendengar beliau bersabda "Terdapat sepuluh orang yang akan masuk ke dalam syurga tanpa hisab. Aku berada di syurga, Abu Bakar berada di syurga, Talhah berada di syurga, Az-Zubair ibnu Awwam berada di syurga, Sa'ad bin Malik berada di syurga, Abdul Rahman bin Auf berada di syurga." Said bin Zaid berkata : " Dan jika aku mahu maka akan aku sebutkan yang kesepuluh". Orang-orang lau bertanya : "Siapa orangnya?" Sa'id diam. Orang-orang bertanya lagi : "Siapa orangnya?" Sa'id menjawab : "Dia adalah Sa'id bin Zaid iaitu dirinya".

(Hadis riwayat Sunan Abu Daud no. 4031,
dan Sunan At-Tirmizi no. 3681)



Beliau merupakan seorang hartawan dan berkemahiran tinggi dalam menjalankan urusan perniagaan. Abdul Rahman Bin Auf adalah salah seorang sahabat nabi seramai yang dijanjikan untuk penghuni syurga kelak. Syifa ibu kepada Abdul Rahman bin Auf merupakan bidan yang membantu kelahiran Nabi Muhammad s.a.w (Sami Abdullah, 2013). Hadis yang menyebut nama beliau selaku salah seorang yang dijamin syurga ini bukanlah diriwayatkan di hujung hayat Nabi, dan bukan pula satu rahsia kerana hadis ini juga diketahui oleh mereka semua yang dijamin syurga. Namun perkara ini tidak pernah membuatkan beliau berpeluk tubuh ataupun tidak berusaha. Dengan jaminan syurga, beliau masih tetap berusaha lebih keras biarpun selepas kewafatan baginda Nabi (Hamka, 2013).

Malahan beliau juga, dilaporkan berasa risau tidak membuat sehabis baik dalam perjuangan memartabatkan Islam hingga selayaknya memperoleh ganjaran syurga sedemikian. Ternyata ganjaran syurga tidak sesekali melarikan fokusnya untuk terus menjadi usahawan berjaya dan terus berbakti pada Islam. (Abu 'Aisyah Ezry Fahmy, 2015). Abdul Rahman bin Auf adalah antara golongan elit di Makkah dan dikenali oleh para sahabat sebagai seorang yang jujur dan amanah, sanggup berjuang di jalan Allah dan membelanjakan harta pada jalan Allah. Beliau merupakan seorang guru pada para sahabat yang lainnya, hinggakan para sahabat mempercayai apa yang diriwayatkan olehnya. Menurut rekod beliau meriwayatkan sehingga 65 hadis daripada Rasulullah s.a.w (Muhammad Ismail Yusanto, 2016).

Kedaaan Sebelum Islam

Pada awal kemunculan Islam Abdul Rahman di antara individu yang kelapan selepas dua hari Abu Bakar memeluk Islam di Kota Mekah. Beliau masuk Islam sebelum Rasulullah menjejakan kaki ke rumah yang bertindak sebagai pusat dakwah iaitu rumah Al-Arqam bin Abi Al-Arqam Seperti mana kumpulan orang Islam lain yang mula-mula memeluk Islam, Abdul Rahman bin Auf tidak terlepas daripada menerima tekanan dan seksaan daripada puak musyrikin Quraisy. Namun beliau tetap bersabar dan teguh dengan pendiriannya. Beliau berusaha mengelakkan diri dari menjadi mangsa kekejaman puak Quraisy. Namun pada masa yang sama, beliau sentiasa setia dan taat untuk membenarkan ajaran Muhammad. Kemudian beliau merupakan kelompok awal yang memulakan perjalanan hijrah Bumi Habsyah bersama



dengan para sahabat bagi menyelamatkan maruah, diri dan agama daripada tekanan puak Quraisy (Abdul Rahman Ra'fat Basya, 1984).

Hijrah Ke Madinah

Setelah Islam datang, al-Quran bukan sekadar menghalang kecenderungan masyarakat Arab ke arah bidang perniagaan, bahkan al-Quran menggalakkan kepada umatnya untuk melibatkan diri dalam bidang tersebut. Sejak sebelum sejarah Islam lagi, Kota Mekah telah memainkan peranan yang begitu signifikan sebagai pusat perniagaan yang penting di Timur Tengah. Penduduk Mekah juga mengadakan perkongsian perniagaan sesama mereka melalui mekanisme musyarakah dan mudharabah antara golongan pelabur dengan golongan pengusaha perniagaan. Melalui usaha ini, kebanyakan penduduk Mekah terutamanya golongan miskin dan tidak memiliki modal yang banyak boleh menceburi bidang perniagaan yang dijalankan sama ada sebagai peniaga kecil ataupun sederhana (Al-Ghazali, 2013).



Selain menerima pedagang luar yang datang berniaga ke Mekah, penduduk Mekah juga mengadakan eksplorasi perniagaan ke negara-negara jiran yang berdekatan. Ini merupakan suatu bentuk perniagaan eksport atau antarabangsa pada zaman itu. Firman Allah s.w.t:

Maksudnya : *"Kerana kebiasaan aman tenteram kaum Quraisy (penduduk Makkah) (1) iaitu kebiasaan aman tenteram perjalanan mereka (menjalankan perniagaan) pada musim sejuk (ke negeri Yaman), dan pada musim panas (ke negeri Syam), (2) Maka hendaklah mereka menyembah Tuhan yang menguasai rumah (Kaabah) ini"*
(Surah Quraisy ayat 1-3)

Ayat ini mengisahkan pada musim sejuk peniaga arab menuju ke negara Yaman manakala pada musim panas mereka menuju ke Syam atau Syiria. Usaha menggalakkan rombongan perniagaan ke negara-negara jiran oleh penduduk Mekah sebelum Islam ini

dirakamkan sendiri dalam al-Quran. Kebanyakan penduduk Arab merupakan para peniaga. Demikian juga, para sahabat yang lain seperti Abu Bakar al-Siddiq RA, Uthman ibn Affan RA, Umar ibn al-Khattab RA, dan Abdul Rahman bin Auf RA adalah pedagang jagung dan kain yang dihormati. Islam begitu menggalakkan aktiviti perniagaan bukan kerana untuk menambahkan kesejahteraan sahaja, malah merubah kedudukan ekonomi umat Islam di dunia antarabangsa ke tahap yang paling tinggi (M. Shabri Abd. Majid dan Nasir Azis, 2007).

Menurut Muhammad Ismail Yusanto (2006), Nabi Muhammad S.A.W begitu menyanyangi dan memberi penghargaan tinggi kepada orang yang kuat bekerja dan mempunyai semangat dan azam yang besar. Ini dibuktikan apabila Baginda mencium sahabatnya iaitu Saad bin Muaz setelah terlihat tapak tangannya yang pada kebiasaan tangan orang licin tapi berbeza dengannya yang jelas kelihatan kasar disebabkan kuat bekerja. Baginda begitu memuji golongan ini dan berasa malu bagi golongan yang sebaliknya iaitu malas bekerja.

Ketika peristiwa Hijrah ke Bumi Madinah al-Munawwarah, beliau sanggup meniggalkan segala kekayaan dan harta yang dimiliki oleh beliau semata-mata demi menyahut seruan Hijrah. Apabila Allah s.w.t telah mengizinkan Nabi Muhammad s.a.w bersama dengan dan para sahabatnya yang lain untuk berhijrah ke Kota Madinah, Abdul Rahman bin Auf segera menyahut seruan tersebut dan seterusnya bertindak sebagai perintis ketika mana dalam perjalanan pulang, Rasulullah s.a.w mempersaudarakan di antara dua golongan iaitu golongan Muhajirin dan golongan Ansar. Oleh yang demikian, Abdul Rahman bin Auf dipersaudarakan dengan saudagar kaya Kota Madinah yang juga pada masa yang sama, merupakan terdiri daripada pedagang juga iaitu Saad bin Rabi' al Ansari.

Anas bin Malik ra meriwayatkan kepada kita apa yang terjadi *"... dan berkatalah Saad kepada Abdul Rahman, 'Saudara ku, aku adalah penduduk Madinah yang kaya raya, silakan pilih separuh harta ku dan ambillah! Dan aku mempunyai dua orang isteri, cuba perhatikan yang lebih menarik perhatian anda, akan ku ceraikan ia hingga anda boleh memperisterinya. Jawab Abdul Rahman bin Auf, 'Moga-moga Allah memberkati anda, isteri dan harta anda! Tunjukkanlah saja letaknya pasar agar aku dapat berniaga!' Abdul Rahman pergi ke pasar, dan berjual belilah di sana. Lalu ia pun beroleh keuntungan yang banyak dan besar."*

Oleh yang demikian, dalam konteks sejarah Islam, contoh keusahawanan, adalah baik untuk mendengar cerita sahabat nabi, Abdul Rahman bin Auf. Apabila beliau berangkat dari Mekah ke Madinah, dalam keadaan tidak membawa sebarang barang mahupun duit walupun sedikit pun. (Ikhwan Fauzi, 2002).

Setibanya di Madinah, beliau pernah ditawarkan sebahagian harta oleh abangnya yang dipersaudarakannya daripada kaum Ansar. Namun beliau tidak menerima tawaran itu, tetapi sebaliknya diminta untuk menunjukkan jalan ke pasar. (Ikhwan Fauzi, 2002).

Kewafatan

Pada tahun 32 Hijrah, pada ketika tubuhnya akan berpisah dengan rohnya. Ummul Mukminin Aisyah ingin memberinya kemuliaan khusus yang tidak diberikannya kepada orang lain, maka dicadangkan kepada Abdul Rahman Bin Auf sewaktu ia masih terbaring di ranjang menuju kematian, agar ia bersedia dikuburkan di perkarangan rumahnya berdekatan dengan makam Rasulullah s.a.w, Saidina Abu Bakar dan Saidina Umar. Sungguhpun begitu beliau memang merupakan seorang Muslim yang telah dididik sebaik-baiknya dengan ajaran Islam.

Beliau merasakan sangat malu apabila mahu diletakkan dirinya pada kedudukan tersebut. Maka teringatlah Abdul Rahman Bin Auf telah memberikan janji dan ikrar yang kuat terlebih dahulu dengan Uthman bin Madhun, iaitu apabila salah seorang di antara mereka meninggal sesudah yang lain maka hendaklah beliau dikuburkan berdekatan dengan sahabatnya itu (Abu 'Aisyah Ezry Fahmy, 2015).

Menurut Ibnu Kathir, beliau meninggal pada usia 75 tahun pada tahun 31 Hijrah di zaman Khalifah Uthman. Terdapat 2 riwayat sama ada beliau mati dan dikebumikan di bumi Syam (Suweilih, Jordan) atau mati di Madinah dan dikebumikan di Perkuburan Baqi'. Abdul Rahman wafat dengan meninggalkan empat isteri, sehingga sebahagian mereka secara keseluruhan berjumlah empat ratus ribu dinar. Satu dinar bersamaan dengan sepuluh dirham, ini bererti bahagian mereka adalah sebesar empat juta dirham, dan itu merupakan satu perlapan dari keseluruhan. Maka jumlah harta peninggalannya secara keseluruhan adalah 32 juta dirham. Ini belum termasuk peninggalannya yang berupa tanah, rumah, unta, kuda dan sebagainya (Abu 'Aisyah Ezry Fahmy, 2015).



Kelebihan Abdul Rahman bin Auf

Abdul Rahman bin Auf merupakan seorang usahawan dan pemimpin yang mempunyai jati diri dan integriti yang tinggi. Beliau tidak melihat kuasa dan pangkat sebagai peluang keemasan untuk menambahkan harta dan kekayaan yang dimilikinya. Beliau selaku pengerusi syura menarik diri diri awal untuk dicalonkan sebagai khalifah oleh mana-mana ahli syura. Oleh yang demikian, beliau mampu memikul tanggungjawab dan amanah dengan adil tanpa berlaku 'bias' terhadap mana-mana pihak. Abdul Rahman bin Auf merupakan sahabat yang paling berkelayakan bagi menggantikan Rasulullah s.a.w disebabkan beliau pernah menggantikan tempat Baginda sebagai imam solat Jemaah semasa ketiadaannya (Aizuddinur Hj Zakaria, 2013).

Walaupun begitu, dengan penuh tawaduk beliau menarik diri daripada pencalonan tersebut. Hanya dua nama dicalonkan dan kedua-duanya memperolehi pencalonan yang sama. Seterusnya keputusan pemilihan diserahkan kepada Abdul Rahman bin Auf sebagai pengerusi. Beliau tidak tergesa-gesa memberikan jawapan melainkan beliau bertemu dengan pimpinan dan seluruh anggota masyarakat bagi mendapatkan pandangan dan nasihat. Tindakan beliau ini menunjukkan sifat karisma dan kepimpinan yang dimiliki olehnya.



Strategi Perniagaan Abdul Rahman Bin Auf

1. Berniaga Harga Kos

Menurut Al-Ghazali (2013), di antara perniagaan yang dijalankan oleh beliau adalah melalui jual beli unta. Beliau berjaya menguasai seterusnya memonopoli perniagaan unta ini yang asalnya itu telah pun didominasi oleh kaum Yahudi. Konsepnya mudah, untung sedikit tetapi dalam kuantiti yang banyak. Beliau memulakan perniagaan menjual unta. Harga unta yang dijual hanya 1,000 dirham. Pada keadaan harga yang dijual ini tiada langsung untung boleh dijana. Ini kerana harga kos unta juga adalah 1,000 dirham juga. Beliau hanya mengambil untung



atas jualan tali yang mengikat unta tersebut. Beliau berupaya menjual 1,000 ekor unta dalam masa satu hari sahaja.

Pada zahirnya kelihatan bahawa Abdul Rahman bin Auf langsung tidak mengambil sebarang keuntungan dengan hasil jualan unta. Namun apabila ditanya kepada beliau, lantas menjawab :

“Keuntungan tidak diambil dari hasil penjualan unta. Unta dijual pada harga kos tetapi keuntungan diambil hasil menjual “tali pengikat unta”
(Aizuddin Noor, 2013).

Unta tanpa talinya tiada bernilai pada ketika itu. Maka dengan cara itulah beliau mampu menjana keuntungan. Dapat dilihat bagaimana Abdul Rahman bin Auf bermula hanya dengan menjual barangan keperluan seperti keju dan mentega. Terdapat juga kisah beliau menjual unta tanpa keuntungan dan menjadikan tali unta sebagai barangan pakej yang dijual dengan harga margin yang rendah. Dalam riwayat menyebut tali yang beliau jual menarik kerana terdapat dalam pelbagai warna begitu juga, kemahiran beliau menjual barangan tidak dapat ditandingi oleh sesiapa pun dan diakui oleh peniaga yang lain.

Manakala menurut pengamalan perniagaan pada masa kini, sebagai contoh pengusaha kedai makan melakukan promosi pakej makanan di kedainya dengan menjual pada harga kos makanan tersebut. Semestinya strategi ini mampu menarik ramai pelanggan untuk makan di kedainya. Namun apabila ditanya oleh pelanggan, pemilik kedai akan mengatakan bahawa minuman dijual secara berasingan. Perbuatan ini tidak boleh dikatakan sebagai menipu kerana promosi yang dibuat hanya untuk makanan sahaja. Hasilnya, pelanggan tersebut akan memesan minuman kerana ia merupakan suatu kemestian apabila makan. Hal yang sama juga dipraktikkan oleh Abdul Rahman. Caranya adalah pembeli mesti mendapatkan bersama tali kekang apabila membeli unta untuk menarik dan mengawalinya kerana ketiadaan tali menyukarkan unta itu untuk dikawal (Ikhwan Fauzi, 2002).

2. Jualan Harga Tunai

Menurut Ikhwan Fauzi (2002), biarpun menjadi kebiasaan dalam kalangan peniaga di Madinah pada ketika itu menjalan perniagaan secara bayaran tertanggung, tidak Abdul Rahman tidak terikat dengan rentak dan gaya tersebut. Beliau beranggapan bahawa dengan menyegerakan bayaran, pusingan modal untuk jual beli seterusnya dapat dilaksanakan dengan lebih cepat dan mudah untuk mendapatkan barangan yang baru untuk dijual semula. Di

awal perniagaan untanya, beliau mengamalkan system bayaran tunai terhadap pelanggannya. Ini memudahkan dirinya untuk mendapatkan modalnya kembali (Al-Ghazali, 2013).

Beliau memulakan perniagaan dengan menjual susu mentega kering dan mentega, dan kemudian dia menyedari perdagangan kuda mempunyai jumlah yang baik. Semasa dia mula menjual kuda, dia dengan cepat mendapati keuntungan kerana permintaan tinggi di pasaran. Dia tidak menggunakan sistem kad kredit tetapi dia hanya menerima transaksi secara tunai. Sebenarnya, dengan mempercepat pembayaran, peniaga akan dibayar dengan cepat dan tidak berhutang daripada orang lain (Al-Ghazali, 2013).

3. Bermula Apa Yang Ada

Menurut Ashari Idris (2004), Apa yang dimaksudkan dengan bermula dengan apa yang ada di tangan ialah menceburkan diri dalam bidang perniagaan yang modalnya kecil. Hal ini adalah kerana sekiranya perniagaan itu gagal, harga yang perlu dibayar adalah lebih rendah berbanding jika membuat pinjaman yang besar nilainya.

Peniaga juga dapat bangkit semula dengan lebih mudah. Kemampuan dan kepakaran juga memainkan peranan yang penting. Selain itu, perniagaan itu mampu dibuat secara kecil-kecilan terlebih dahulu dengan kos operasi yang minimal, dan hanya berkembang seperti mengambil pembantu sesuai dengan perkembangan perniagaan. Ashari Idris (2004), mengatkan bahawa biarpun beliau tidak ada modal ketika memulakan perniagaan, tetapi dengan kepandaiannya merebut peluang yang ada beliau berjaya mencipta bidang perniagaan baru sama ada dalam bentuk barangan mahupun perkhidmatan.

Abdul Rahman bin Auf tidak ingin untuk menjalani kehidupan hasil usaha dan titik peluh orang lain. Beliau berpendapat bahawa lebih baik bagi dirinya untuk berusaha dengan keringat dan usahanya sendiri. Terdapat dalam satu riwayat, dikatakan bahawa Abdul Rahman bin Auf tidak menerima hadiah daripada saudaranya di Madinah iaitu Saad bin Rabi'. Ini menjadi bukti akan cara pemikiran atau mentaliti keusahawanan dan kemerdekaan

yang tinggi yang dimiliki oleh Abdul Rahman bin Auf. Malah, jika beliau mahu boleh sahaja beliau mengambil separuh daripada kekayaan Saad bin Rabi' untuk dibuat modal perniagaan. Sungguh pun begitu hal ini tidak berlaku kerana dia mempunyai keyakinan yang tinggi bahawa beliau berupaya memperoleh modal untuk memulakan perniagaan dengan usahanya sendiri (Ahmad Asrof, 2017). Antara barangan dagangan yang dijual oleh beliau sekadar apa yang ada adalah keperluan asas masyarakat seperti minyak dan mentega. Sungguhpun begitu, beliau berupaya menerobos tembok monopoli puak Yahudi dan merobohkannya dan menjadikan dirinya orang terkaya di Madinah pada zaman itu (Ab. Aziz Yusod,2003).

Antara pelajaran penting yang boleh diambil daripada kisah Abdul-Rahman bin Auf yang bertanyakan lokasi pasar daripada Saad bin Rabi', beliau kemudiannya mula berniaga tanpa sebarang pinjaman atau pemberian modal oleh sahabatnya itu. Namun beliau memulakan perniagaan dengan apa yang ada di tangan (Ab. Aziz yusof,2003). Malah direkodkan ada antara hartanya merupakan sewaan dan tidak dimiliki walaupun beliau berkemampuan untuk memilikinya, hal ini dicatatkan seperti berikut :

Maksudnya: *Malik memberitakan kepadaku bahawa dia mendengar bahawa 'Abdul-Rahman bin 'Auf telah menyewa tanah, dan dia terus menyewa dan dalam milikannya sehingga dia meninggal. Anaknya berkata, "Saya sangkakan bahawa tanah itu milik kami memandangkan tempoh masa yang dimiliki oleh kami, sehinggalah dia memberitahu kamu sebelum meninggal. Dia menyuruh kami membayar sewaan yang beliau hutang dalam dinar atau dirham.*

(Muwatta Malik, Kitab 34, Hadith no.1396)

Setiap perniagaan hendaklah dimulakan dengan modal sendiri, dan bukan dengan pinjaman ataupun berhutang, seorang usahawan harus bermula dengan apa yang dianugerahkan dan mengenal pasti kepakaran yang dimiliki sebagai modal utama bagi permulaan, sebelum terjun ke medan perniagaan. Memulakan perniagaan dengan wang

pinjaman adalah berisiko tinggi kerana ada waktu pinjaman yang diambil itu memerlukan peminjam mencagar hartanah yang dimiliki kepada pihak peminjam (bank). Sekiranya perniagaan yang diceburi itu terpaksa ditutup dalam tempoh beberapa tahun selepas dibuka, peniaga secara langsung telah merisikokan hartanah yang dicagarkan untuk dilelong oleh pihak peminjam. (Abu 'Aisyah Ezry Fahmy 2015).

ABDUL RAHMAN BIN AUF - Pedagang Syurga -

“Dan belanjakanlah (dermakanlah) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada kamu sebelum seseorang dari kamu sampai ajal maut kepadanya, (kalau tidak) maka ia (pada saat itu) akan merayu dengan katanya: “Wahai Tuhanku! Alangkah baiknya kalau Engkau lambatkan kedatangan ajal matiku - ke suatu masa yang sedikit sahaja lagi, supaya aku dapat bersedekah dan dapat pula aku menjadi dari orang-orang yang soleh.”
(Surah Al-Munaafiqun, Ayat 10)



UBAT DAN BABI, HALAL DAN HARAM?



Mohd Idzud Bin Ahmad Johari
Pegawai Farmasi
Universiti Malaysia Perlis



Pengambilan ubat adalah salah satu perkara asas dalam usaha merawat sesuatu jenis penyakit. Ubat juga boleh didefinisikan sebagai bahan yang digunakan untuk tujuan merawat atau mencegah sesuatu jenis penyakit. Namun, sebagai seorang muslim, kita tidak terlepas dari hukum halal dan haram atas sesuatu perkara. Adakah kita cakna akan halal dan haram akan sesuatu ubat ataupun suplemen yang kita beli sendiri di farmasi mahupun di pasaran 'online'?

Proses pembuatan ubat dan suplemen secara umumnya dihasilkan daripada tiga sumber; sumber sintetik, sumber haiwan dan sumber sayuran/tumbuhan. Sumber sintetik biasanya daripada sumber yang dihasilkan daripada proses penghasilan sintesis tindak balas kimia di makmal untuk menghasilkan sesuatu kompaun yang diinginkan. Manakala sumber haiwan dan tumbuhan pula ialah bahan penghasilan ubat-ubatan atau suplemen daripada bahagian haiwan atau tumbuhan sama ada secara ekstrak ataupun sebagai salah satu komponen dalam proses penghasilannya. Justeru itu, timbul persoalan berkaitan penggunaan sumber haiwan dalam penghasilan ubat. Adakah haiwan tersebut adalah haiwan yang halal pada syarak? Adakah haiwan tersebut disembelih mengikut syarak?

Sebagaimana pengetahuan umum, babi ialah haiwan yang jisim atau organ badannya digunakan di pelbagai lapangan termasuklah dalam penghasilan ubat-ubatan dan suplemen. Antara sebab lain haiwan ini digunakan secara adalah kerana kos yang murah dan sumber yang mudah diperolehi berbanding daripada sumber tumbuhan atau sayuran yang mana kosnya jauh lebih tinggi.

Menurut syarat pelabelan yang ditetapkan melalui *Drug Registration Guidance Document (DRGD)* yang dikeluarkan oleh Bahagian Regulatori Farmaseutikal Negara, produk yang ingin didaftarkan perlu menyatakan sumber bahan-bahan yang berasaskan haiwan sekiranya ada terkandung dalam produk siap/akhir (*finished/final product*). Ini termasuk bahan aktif atau sampingan seperti bahan asas ataupun gelatin. Selain itu, bagi tujuan pemilihan produk untuk perolehan melalui kontrak ubat-ubatan KKM, syarikat pembekal disyaratkan untuk menyatakan samada produk mereka mengandungi unsur haiwan atau tidak. Namun begitu, produk mereka mungkin juga dipilih sekiranya tiada pilihan produk lain yang sesuai.

Bagaimanakah kita sebagai pengguna untuk mengenalpasti adakah ubat-ubatan atau suplemen tersebut dihasilkan daripada babi ataupun sumber lain? Perkara asas yang perlu diambil cakra ialah kata gantian yang digunakan bagi sumber haiwan bagi babi ialah "porcine", lembu pula ialah "bovine" dan "equine". Babi dan lembu merupakan dua haiwan yang paling banyak digunakan sebagai salah satu bahan penghasilan ubat-ubatan dan suplemen. Penggunaan sumber haiwan-haiwan ini ialah sebagai :-

- Penghasilan bahan aktif ubat (melalui proses bioteknologi tertentu seperti rekombinan DNA).
- Bahan eksipien, bahan dalam pembuatan kapsul (gelatin) dan bahan-bahan sampingan yang lain.
- Sebagai kultur media bagi menghasilkan bahan aktif bagi ubat-ubatan.

Namun yang demikian, dalam situasi yang dikategorikan sebagai "darurat" untuk kemaslahatan nyawa pesakit, penggunaan ubat-ubatan daripada sumber tersebut adalah diharuskan pada syarak. Keadaan keharusan penggunaannya disyaratkan memenuhi beberapa kriteria dan sebab yang berikut :-

- Tiada ubat-ubatan lain dari sumber yang halal yang boleh digunakan ke atas pesakit yang bersesuaian dengan keadaan klinikal pesakit pada waktu/tempoh rawatan tersebut. Sebagai contoh, seorang pesakit jantung yang mengalami kegagalan buah pinggang dan memerlukan rawatan untuk mencairkan darah pesakit namun tiada ubatan lain yang selamat boleh digunakan untuk mencairkan darah pesakit yang mengalami kegagalan buah pinggang selain ubat yang sumbernya itu dihasilkan daripada bahan tidak halal atau tidak patuh syariah.



- b) Ada ubat-ubatan dari sumber yang halal namun tiada kajian saintifik khusus (*evidence based study*) yang menunjukkan ianya selamat digunakan dan berkesan ke atas pesakit atau ianya dikhuatiri akan memudaratkan pesakit sekiranya digunakan. Contohnya terdapat satu jenis ubat yang halal namun tiada kajian saintifik yang menunjukkan ubat tersebut selamat digunakan untuk ibu mengandung.
- c) Keadaan pesakit adalah kritikal dan penggunaan ubat-ubatan tersebut perlu sebagai ikhtiar menyelamatkan pesakit.



Selain daripada itu, penggunaan alkohol dalam penghasilan ubat-ubatan juga bukanlah asing dalam industri farmaseutikal. Dalam proses penghasilan ubat terutamanya ubatan dalam bentuk cecair, alkohol digunakan sebagai bahan pelarut, bahan pengawet, agen penstabilan, dan agen disinfeksi. Ubat-ubatan cecair yang mengandungi alkohol untuk tujuan yang tersebut adalah diharuskan sekiranya alkohol tersebut tidak diperolehi dari proses pembuatan arak.

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-87 yang bersidang pada 23-25 Jun 2009 telah memutuskan bahawa Islam menegah penggunaan ubat dari sumber yang haram bagi mengubati sesuatu penyakit, kecuali dalam keadaan di mana tiada ubat dari sumber yang halal ditemui dan bagi menghindari kemudaratkan mengikut kadar yang diperlukan sahaja sehingga ubat dari sumber yang halal ditemui. Mengenai penggunaan ubat Clexane dan Fraxiparine yang dianggap darurat kepada para pesakit bagi mencegah formulasi pembekuan darah secara serta merta ketika pesakit berada pada tahap kronik; muzakarah memutuskan bahawa penggunaan kedua-dua jenis ubat ini adalah ditegah kerana ia dihasilkan dari sumber yang diharamkan Islam, memandangkan pada masa ini telah terdapat alternatif ubat iaitu Arixtra yang dihasilkan daripada sumber halal dan mempunyai fungsi serta keberkesanan yang sama dengan Clexane dan Fraxiparine. Justeru itu, pesakit mestilah cakna dan berhak untuk mengetahui nama ubat yang akan diberikan atau disuntik, indikasi ubat tersebut dan sebab penggunaan ubat yang tidak halal tersebut jika tidak terdapat alternatif ubat lain yang halal.

Senarai di bawah adalah sebahagian ubat-ubatan yang mengandungi unsur tidak halal terumanya yang mengandungi "Porcine":-

1. Jenama Ubat : BENADRYL For The Family Original Cough Syrup | Kegunaan : Ubat Batuk | Pengeluar : McNeil, Australia
2. Jenama Ubat : ARMOUR THYROID | Kegunaan : Merawat hypothyroid, terapi gantian hormon thyroid | Pengeluar : Forest Pharmaceutical
3. Jenama Ubat : Kapsul IMODIUM | Kegunaan : Ubat Cirit Birit, Diarrhea | Pengeluar : Janssen Cilag (Johnson&Johnson)
4. Jenama Ubat : Suntikan BOTOX | Kegunaan : Rawatan distonia, blepharospasm dan mengurangkan kedutan di muka | Pengeluar : Allergen Pharmaceutical
5. Jenama Ubat : CLEXANE, Lovenox | Kegunaan : Cegah pembekuan darah dalam rawatan penyakit jantung | Pengeluar : Sanofi Aventis.
6. Jenama Ubat : FRAXIPARINE | Kegunaan : Mencegah pembekuan darah, rawatan penyakit jantung | Pengeluar : Sanofi Winthrop dan GlaxoWellcome

Firman Allah s.w.t :-

Maksudnya : ***Hai orang yang beriman, makanlah barang yang baik-baik dari apa yang diberikan kepada kamu dan bersyukurlah kepada Allah, jika betul kamu hanya beribadat kepadanya. Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai, darah, daging babi dan binatang-binatang yang disembelih tidak kerana Allah, maka barangsiapa dalam keadaan terpaksa dengan tidak sengaja dan tidak melampaui batas, maka tidaklah berdosa baginya (memakan/mengguna benda-benda yang haram) kerana sesungguhnya Allah Maha Pengampun Lagi Mengasihani'***
(Surah al-Baqarah ayat 172 - 173)

Kesimpulannya, pesakit ataupun pengguna mestilah mengambil tahu akan status kehalalan ubat atau suplemen yang diambil serta menjauhi perkara yang shubhah. Keprihatinan dalam isu ini dapat mencegah seseorang individu muslim daripada mengambil perkara yang dilarang syarak. Pengamal perubatan juga mestilah bertanggungjawab terhadap pesakit dalam menerangkan status rawatan dan ubatan yang digunakan kepada pesakit agar mendapat penyelesaian terbaik seiring dengan perkara yang digariskan syarak. Sementelahan pula, akhir-akhir ini sudah wujud amalan penghasilan produk halal farmaseutikal serta penggunaan logo halal yang diiktiraf JAKIM. Walaupun penggunaan logo halal untuk produk farmaseutikal belum diaplikasikan secara menyeluruh, syarikat-syarikat farmaseutikal utama di negara kita sudah mula cakna dan mengambil berat akan penghasilan ubat dan produk farmaseutikal yang halal serta patuh syariah untuk kegunaan semua terutamanya umat Islam di Malaysia.



Jurutera Memilih Bidang KEUSAHAWANAN



Nurul Najwa Syazni Binti Sharin
Pusat Perhubungan Alumni
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
<https://alumni.unimap.edu.my/v2/>

Seperti yang diketahui umum, bidang keusahawanan telah wujud sebagai antara pilihan kerjaya sejak zaman dahulu lagi di mana semasa zaman Rasulullah SAW, bidang keusahawanan memainkan peranan yang sangat penting dalam pembentukan tamadun Islam. Malah, kerjaya sebagai usahawan merupakan pilihan utama umat Islam khususnya pada awal kedatangan Islam. Tidak terkecuali, pada ketika itu Rasulullah SAW sendiri memilih untuk bergelar sebagai usahawan. Keadaan ini jelas menggambarkan bahawa bidang keusahawanan telahpun menjadi satu kerjaya yang diceburi sejak dahulu lagi. Lebih kurang lima puluh tahun lalu, corak pembentukan sejarah negara kita telah menyebabkan berlakunya pengasingan dalam pemilihan kerjaya mengikut golongan etnik di mana pada ketika itu, keusahawanan bukan satu pilihan kerjaya bagi kaum Bumiputera yang merupakan majoriti golongan masyarakat negara ini. Kaum Bumiputera yang memilih keusahawanan sebagai kerjaya mereka hanya dalam bentuk kecil-kecilan atau kerana terpaksa dek kerana kurang kelayakan untuk mendapat pekerjaan lain. Oleh sebab itu, mereka yang menjadi 'usahawan terpaksa' ini tidak begitu bersedia dari segi kemahiran terutamanya untuk mengharungi cabaran dan dugaan dunia perniagaan.

Usahawan adalah seseorang individu yang mempunyai idea untuk memulakan perniagaan, membuat perancangan dan menjalankan perniagaan tersebut. Hal ini kerana sesuatu perniagaan itu tidak wujud dengan sendirinya malah terdapat usahawan yang mengurusnya secara langsung atau tidak langsung. Oleh hal demikian, menjadi seorang usahawan tidak mudah kerana setiap perniagaan yang dijalankan haruslah seiring dan selari dengan perkembangan teknologi pada hari ini. Hal ini kerana, sesuatu perniagaan boleh dijalankan secara 'online' dan juga 'offline' sehingga menyebabkan berlakunya persaingan. Seseorang usahawan yang berjaya itu

mestilah bijak mengambil peluang, tekun, berani menanggung risiko, konsisten dan mempunyai visi yang tinggi terhadap perniagaannya.

Dalam konteks keusahawanan, usahawan yang berjaya kebiasaannya mempunyai pelbagai kemahiran. Sebagai permulaan, mereka sendiri perlu belajar pelbagai kemahiran dan setiap pengurusan perlu dijalankan sendiri dalam perniagaan mereka kecuali jika mereka bermula dengan modal yang besar dan mempunyai kemampuan untuk menanggung perbelanjaan perniagaan. Oleh itu, setiap usahawan perlu mempelajari banyak perkara berkaitan keusahawanan yang terdiri daripada pelbagai aspek kerana dunia perniagaan ini sangat luas dan memerlukan komitmen yang sangat tinggi.



Bagi graduan muda berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan daripada Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) bergraduasi pada tahun 2017 ini, beliau memilih untuk menceburi bidang keusahawanan sewaktu berusia 23 tahun di mana ketika itu beliau merupakan seorang mahasiswa di UniMAP. Ku Hafizy Ku Abdul Rahman merupakan graduan daripada Diploma Kejuruteraan Mekanikal di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis.

Pada awalnya, beliau tidak mempunyai sebarang kemahiran dan pengetahuan dalam bidang perniagaan dan keusahawanan namun beliau mempelajari cara untuk membaiki telefon bimbit dari rakannya seterusnya mengambil upah membaiki telefon bimbit rakan yang lain. Baginya, dari situ beliau mula berjinak dalam urusan jual beli dan perniagaan. Selain itu, Hafizy juga turut membantu abangnya menjual cendol dan otak - otak di bazar Ramadan dan pasar malam selama 3 tahun. Setelah 3 tahun bekerja dengan abangnya, beliau bercadang untuk berhenti dan mempunyai kedai sendiri. Semangatnya yang mendalam terhadap perniagaan mendorong beliau untuk terus menceburi dunia perniagaan sehingga berjaya membuka kedai membaiki telefon bimbit sendiri yang terletak di Caltex Kampung Guar Nangka, Kangar, Perlis. Pada awalnya abang beliau tidak setuju untuk beliau memulakan perniagaannya sendiri itu tetapi beliau meyakinkan abangnya bahawa beliau ingin memanfaatkan kebolehan dan pengetahuan yang dimiliki dalam bidang kejuruteraan. Dengan bermodalkan RM 2,000 hasil simpanan wang pinjaman PTPTN, beliau membeli mesin fotostat dan alatan untuk membaiki telefon bimbit. Kedai tersebut tidak hanya fokus untuk membaiki telefon bimbit malah terdapat juga servis lain seperti percetakan dan sebagainya. Namun begitu, atas faktor kewangan yang tidak stabil, beliau terpaksa bekerja sambil dengan beberapa buah kedai telefon bimbit yang terletak di Kangar bagi memperoleh hasil supaya dapat menampung perbelanjaan kedainya.

Hafizy menyertai sebuah pertandingan anjuran RISDA yang dinamakan 'RISDA Business Challenge'. Hampir setahun dalam pertandingan itu, anak jati negeri Perlis ini berjaya melayakkan diri ke peringkat akhir dan mendapat geran kelulusan perniagaan daripada RISDA. Turut membanggakan, beliau merupakan antara 20 orang daripada 150 usahawan yang bertanding dalam pertandingan tersebut dan memperoleh RM



50,000. Akhirnya, beliau membuat keputusan untuk membuka cawangan baharu yang dinamakan Fixy Gadget di No 41 & 43, Persiaran Jubli Emas, Taman Suriani, 01000 Kangar, Perlis. Pembukaan kedai ini dibuat sejurus kewangan di cawangan pertamanya menjadi stabil.

Tidak ada perniagaan yang tidak terjejas akibat penularan wabak COVID-19 yang mengejutkan seluruh dunia pada ketika ini. Begitu juga nasib yang ditimpa Ku Hafizy dan perniagaannya. Pada bulan Mac yang lalu, beliau berada di fasa pembukaan kedai baharunya itu namun tidak dapat melakukan sepenuhnya kerana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah dikenakan terhadap seluruh masyarakat Malaysia. Menurut Ku Hafizy, beliau terpaksa menanggung kos sewa kedai selama tiga bulan meskipun kedainya itu masih belum beroperasi. Hal ini memberi impak yang sangat besar padanya kerana beliau belum mendapat pelanggan daripada cawangan barunya itu. Tambah Ku Hafizy, beliau mula membawa masuk stok ke kedainya ketika Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) diberikan. Ketika itu, rakyat Malaysia dibolehkan rentas negeri. Oleh itu, beliau mengambil peluang tersebut untuk mengambil stok dari pembekal di Pulau Pinang dan membawa masuk ke kedainya. Proses membawa masuk perabot dan stok mengambil masa selama tiga ke empat hari. Syukur kepada Tuhan, atas usahanya yang gigih kedai tersebut berjaya disiapkan sepenuhnya hanya dalam masa lima hari termasuk aktiviti mengemas dan mencuci kawasan kedai.



Setiap graduan ijazah sarjana muda pastinya mempunyai impian untuk menyambung pengajiannya ke peringkat yang lebih tinggi. Latar belakang Ku Hafizy yang bermula daripada Diploma Kejuruteraan Mekanikal ke Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan membuatkan beliau turut mempunyai perancangan untuk melanjutkan pengajiannya. Akan tetapi, kali ini beliau ingin menyambung pengajian dalam bidang keusahawanan bagi peringkat pascasiswazah. Bagi perancangan untuk perniagaannya pula, beliau bercadang untuk mengembangkan Fixy Gadget ke negeri Kedah dan Pulau Pinang. Bukan itu sahaja, beliau juga ingin membuka cawangan di setiap negeri di Malaysia.

Apabila ditanya mengenai kebolehpasaran graduan dalam bidang yang diceburi, Ku Hafizy berpendapat bahawa sekiranya graduan tersebut tidak mendapat peluang pekerjaan mereka tidak boleh berputus asa dan terus membiarkan diri tidak bekerja. Setiap bidang pengajian yang dipelajari bukanlah satu – satunya peluang untuk para graduan atau masyarakat membina masa depan kerjaya. Menyifatkan diri sendiri sebagai contoh,

Ku Hafizy berkata perjalanan hidup tidak boleh dihentikan. Jika mereka tidak berpeluang untuk membina masa depan dalam bidang yang dipelajari, mereka boleh mula berniaga secara kecil – kecilan sama ada menjadi 'agent' atau 'dropship' bagi sesuatu perniagaan. Menurut beliau, itu merupakan salah satu langkah awal untuk memulakan perniagaan sendiri. Tambah beliau, perniagaan adalah sumber rezeki terbesar. Menurut Hadis Riwayat Bukhari "Sembilan daripada sepuluh pintu rezeki ada dalam perdagangan". Oleh itu, jelaslah disini bahawa bidang keusahawanan memberi impak yang sangat besar dalam hidup seseorang sama ada menjadi pembeli atau peniaga.

Siapa sangka Alumni berkelulusan Kejuruteraan Pembuatan ini dapat mencipta nama dalam bidang perniagaan? Meskipun kemahiran yang dipelajari beliau khusus dalam bidang kejuruteraan, itu tidak menjadi penghalang untuk beliau menceburi bidang bukan kepakarannya. Bagi Ku Hafizy, minat terhadap bidang keusahawanan ini tidak dilahirkan semula jadi tetapi memerlukan dorongan dan sokongan sebagai perangsang dan juga pembakar semangat untuk terus maju dan berjaya.

“Katakanlah (wahai Muhammad): “Kalaulah semua jenis lautan menjadi tinta untuk menulis Kalimah-kalimah Tuhanku, sudah tentu akan habis kering lautan itu sebelum habis Kalimah-kalimah Tuhanku, walaupun Kami tambah lagi dengan lautan yang sebanding dengannya, sebagai bantuan.”
(Surah Al-Kahfi, Ayat 109)

“Dan sekiranya segala pohon yang ada di bumi menjadi pena, dan segala lautan (menjadi tinta), dengan dibantu kepadanya tujuh lautan lagi sesudah itu, nescaya tidak akan habis Kalimah-kalimah Allah itu ditulis. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.”
(Surah Luqman, Ayat 27)

MENYULING SISTEM PENDIDIKAN DARIPADA BARAT

(Pengalaman Menuntut Ilmu
Melalui Sistem Pendidikan Barat)



Anas bin Abdul Rahman, PhD
Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik,
Universiti Malaysia Perlis
anasrahman@unimap.edu.my

Daripada Abu Hurairah RA bahawasanya Rasulullah SAW bersabda :

*“Sesiapa yang menempuh satu jalan untuk mencari ilmu pengetahuan, maka Allah memudahkan baginya satu jalan untuk menuju ke Syurga”
(Hadith Riwayat Muslim).*

Saban tahun kerajaan Malaysia menaja dan menghantar ribuan pelajar yang cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) ke luar negara untuk menimba ilmu. Tidak sekadar pelajar yang cemerlang di dalam peperiksaan, penjawat awam turut diberi peluang untuk memohon melanjutkan pengajian mereka menerusi Hadiah Latihan Persekutuan yang ditawarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Dengan harapan menggunung agar ilmu dan pengalaman yang dikecapai di negara orang dapat dibawa balik dan dicurahkan untuk memacu dan membangun negara tercinta, kerajaan telah membelanjakan berbilion ringgit untuk memajukan modal insan. Menurut laman web rasmi Kementerian Kewangan Malaysia, Bajet 2018 telah memperuntukkan sebanyak RM 2.2 bilion ringgit bagi pemberian biasiswa untuk Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Pendidikan

Tinggi, dan Kementerian Kesihatan. Ini tidak termasuk RM 2.5 bilion ringgit untuk biasiswa pengajian tinggi dan latihan di bawah Majlis Amanah Rakyat (MARA), yakni yang tertinggi yang pernah diberikan.

Walaupun penulis tidak mempunyai butiran mahupun statistik bagi peratusan penajaan untuk pengajian di dalam dan luar negara, kita dapat anggarkan bahawa sebahagian besar peruntukan biasiswa ini akan digunakan untuk membayar kos sara hidup dan yuran pengajian di negara-negara yang ditaja, seperti United Kingdom, Australia, India, Jepun, Timur Tengah dan Amerika Syarikat. Dengan menghantar pelajar/pegawai ke universiti-universiti hebat dan terkenal di negara-negara terpilih ini, maka kita secara tidak langsung mengakui dan memperakui bahawa sistem pendidikan mereka, khususnya di negara-negara barat, adalah lebih maju, hebat dan moden berbanding Malaysia. Bukan niat penulis untuk memperkecilkan universiti-universiti di Asia secara amnya, mahupun awam khususnya. Lihat saja QS World University Ranking 2019, di mana ranking top 30 didominasi oleh universiti-universiti barat. Dengan proses pengajaran dan pembelajaran menggunakan teknologi terkini, dan dibantu dengan kemudahan prasarana yang serba lengkap, kelebihan universiti-universiti barat tidak perlu dipertikaikan lagi.

Pelbagai dugaan, cabaran dan ujian getir sudah semestinya menanti para pelajar Muslim dan juga Muslimah yang berkelana ke negara barat untuk menuntut ilmu dan memburu segulung ijazah daripada universiti ternama dunia (contohnya universiti berstatus *Ivy League* di Amerika Syarikat). Ini termasuklah menepis persepsi sebahagian keluarga yang merasakan lebih banyak keburukan daripada kebaikan menanti anak-anak mereka yang mendapat tawaran melanjutkan pelajaran negara luar, terutamanya negara-negara kuasa



besar seperti United Kingdom, Australia dan Amerika Syarikat. Namun, apakah asas kerisauan mereka ini? Artikel ini cuba untuk merungkai dan memahami akan perbezaan (mahupun persamaan) sistem pendidikan barat dengan sistem yang diadaptasi dan digunakan di Malaysia. Secara amnya, sebelum merdeka, Tanah Melayu mengamalkan sistem pendidikan yang tidak formal, dengan penekanan diberikan kepada pengajaran kitab suci Al-Quran, tingkah laku dan akhlak yang baik, pengetahuan dan juga sifat kerohanian.

Sistem pendidikan di Malaysia secara rasminya bermula dengan Penyata Razak 1956 dan Ordinan Pelajaran 1957 yang membawa kepada pembentukan satu sistem pendidikan kebangsaan. Penulis tidak berhasrat untuk membincangkan sejarah, falsafah dan dasar yang digunapakai oleh sistem pendidikan kita memandangkan ramai ahli akademik (contohnya Hamdan, 2011 dan Abdullah, 2005) yang hebat telahpun menghuraikan dengan panjang lebar perihal ini. Artikel ini lebih menjurus kepada perkongsian pengalaman penulis ketika menuntut di luar negara dan pandangan peribadi mengenai sistem pendidikan di negara tersebut.



Alhamdulillah, penulis telah diberikan peluang dan kepercayaan oleh pihak kerajaan Malaysia untuk mengikuti program pengajian Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal di Amerika Syarikat selama hampir empat tahun. Penulis juga telah memperoleh biasiswa persekutuan ketika mengikuti program Sarjana Kejuruteraan (Kejuruteraan Mekanikal) di salah sebuah universiti tempatan, dan kemudiannya menyambung pengajian Siswazah Lanjutan (PhD) di salah sebuah universiti terkemuka di United Kingdom. Secara keseluruhannya, hampir lapan tahun daripada hidup penulis telah dihabiskan di negara barat, dan penulis merasakan peluang menuntut di tiga negara berbeza ini merupakan satu pengalaman yang unik, berinspirasi dan yang penting, telah membuka mata dan minda penulis sebagai seorang Muslim. Benarlah kata pepatah, "Jauh perjalanan, luas pengalaman".

Pengalaman pertama - Amerika Syarikat (2004-2008)

Secara amnya, kebanyakan pelajar Malaysia yang pergi ke sana lebih cenderung untuk memilih universiti (ataupun lebih dikenali sebagai *schools*) berdasarkan nama (ataupun prestige, contohnya Yale, Princeton dan Cornell), dan juga bidang yang ditawarkan. Namun, tidak ramai yang mengetahui bahawa kalendar akademik yang berbeza yang digunapakai di sesetengah *schools* juga mungkin boleh mempengaruhi cara kita belajar.

Kebanyakan *schools* menggunakan sistem **semester**, iaitu sistem yang sama diamalkan di universiti awam Malaysia. Bagi sistem ini, tahun akademik dipecahkan kepada dua sesi, iaitu *fall* (musim luruh) dan *spring* (musim bunga). Setiap sesi Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) berjalan selama 14 minggu, dengan cuti musim sejuk (*winterbreak*) antara sesi musim luruh dan musim bunga, dan cuti musim panas (*summer break*) selepas sesi musim bunga. Pada setiap semester, pelajar akan mendaftar secara purata empat ke enam kelas, bergantung kepada jam kredit setiap kursus tersebut.

Sistem kedua pula dikenali sebagai **trimester**, di mana tahun pengajian dibahagikan kepada tiga segmen dalam setiap tahun pengajian. Adakalanya ia juga dipanggil sistem **quarter**, dengan musim panas dikira sebagai segmen keempat. Sesi P&P bagi sistem trimester/*quarter* ini berjalan selama 10 minggu. Memahami setiap kalendar akademik ini dapat membantu bakal pelajar untuk mendapat idea berkenaan beban kursus bagi tahun akademik universiti yang dipohon. Contohnya, bagi *schools* yang mengamalkan sistem trimester/*quarter*, bilangan kelas yang diambil setiap semester hanya sekitar tiga kursus. Ini dapat membantu pelajar untuk lebih fokus dalam sesi P&P memandangkan bilangan kelas yang sedikit, dan juga mampu mengurangkan tekanan ketika musim peperiksaan. Namun, di satu sudut lain, proses pembelajaran berjalan dengan kadar yang lebih pantas memandangkan kekerapan dan maklumat yang diajar dalam kelas trimester adalah bersamaan dengan kelas semester (10 minggu vs 14 weeks).



Universiti penulis (Iowa State University) mengamalkan sistem semester, sepertimana yang digunapakai di Malaysia. Pelajar menghabiskan masa yang lebih lama mengambil satu-satu kursus yang membolehkan mereka mempelajari lebih lanjut mengenai subjek tersebut, serta membantu penyerapan idea-idea baru. Lebih utama, pelajar diberi ruang seluas-luasnya dan kebebasan untuk mendaftar kelas/kursus yang dirasakan sesuai dengan minat masing-masing (ataupun memilih pensyarah yang disyorkan oleh para *senior* untuk membantu menaikkan gred purata kumulatif). Kurikulum yang diatur juga adalah bersifat komprehensif dengan matlamat melahirkan graduan yang bersifat *all rounder*. Contohnya, sebelum mengambil kursus-kursus peringkat tinggi dalam Kejuruteraan Mekanikal, terdapat beberapa *requirements* yang perlu dipenuhi oleh penulis.

Pertama, penulis perlu memenuhi keperluan *Basic Programme* yang ditetapkan oleh pihak Kolej Kejuruteraan. Ini adalah kursus yang biasanya diambil pada tahun pertama oleh semua pelajar bidang kejuruteraan tanpa mengira pengkhususan, seperti Chem 167 (*Chemistry*), ME 160 (*Mechanical Engineering Problem Solving with Computer Applications*), Lib 160 (*Library*), Phys 221 (*Physics I*), dan lain-lain. Kedua, satu kumpulan kursus yang dipanggil *ME Foundation Courses* biasanya diambil pada tahun kedua. Dengan memenuhi syarat kedua-dua *Basic Programme* dan Asas Kejuruteraan Mekanikal, serta gred purata kumulatif 2.00, barulah penulis boleh mula mengambil kursus tahap 200 dan ke atas dan kursus teras utama (*core courses*). Namun, bagi penulis, salah satu perbezaan utama dalam struktur akademik antara universiti di Malaysia dan di Amerika Syarikat adalah dalam pendedahan kepada subjek diluar bidang pengajian yang diikuti. Contohnya, kurikulum Program Kejuruteraan Mekanikal di Iowa State mewajibkan para pelajar utk memenuhi 15 kredit daripada bidang *General Education Electives*. Kredit ini boleh dipenuhi dengan mengambil subjek daripada bidang *Social Science, Humanities, U.S Diversity dan International Perspectives*.

Dengan mengikuti kursus-kursus ini, penulis dapat bergaul dengan pelajar daripada jurusan lain dan mempelajari ilmu-ilmu baru yang tidak berkaitan dengan jurusan kejuruteraan, seperti ekonomi dan sejarah. Namun, yang lebih penting adalah kebebasan penulis dalam memilih mana-mana kursus yang diingini daripada ribuan subjek yang ditawarkan oleh universiti.

Akan tetapi, kebebasan yang diberikan ini perlu diimbangi dengan disiplin diri yang kuat.

Pensyarah dan staf di pusat pengajian berkomunikasi dan melayan para pelajar dengan profesional dan berhemah, dan menganggap kami sebagai orang dewasa yang sudah mampu membezakan sesuatu yang baik dan buruk, selain bertanggungjawab terhadap keputusan yang diambil. Oleh itu, sesi kuliah dijalankan dalam suasana yang kondusif dan teratur. Rekod kedatangan pelajar bukanlah suatu perkara yang ditekankan bagi kebanyakan kursus. Pelajar juga bebas untuk keluar dan masuk ke bilik kuliah pada bila-masa sahaja, dengan syarat tidak mengganggu perjalanan kuliah dan rakan-rakan lain. Paling utama, pelajar perlu mengambil inisiatif sendiri untuk berjumpa dengan pensyarah jika terdapat sebarang kemusykilan dengan kandungan sesi P&P. Tiada istilah *spoon-feed* dalam kamus akademik di kampus penulis.

Di luar bilik kuliah, pelajar boleh melibatkan diri dengan pelbagai kelab, persatuan, serta aktiviti yang dianjurkan oleh pihak universiti. Kegiatan ko-kurikulum adalah *optional*, jadi bagi pelajar yang tidak terlibat dengan mana-mana persatuan, masa yang terluang boleh digunakan untuk mengulang-kaji pelajaran, beriadah bersamarakan-rakan, ataupun berkerjajsecarasambilan. Di Malaysia, bilangan pelajar yang bekerja secara sambilan mungkin kecil jumlahnya disebabkan bebanan kuliah dan aktiviti ko-kurikulum yang ketat sepanjang semester. Namun, di negara barat, perkara ini adalah normal memandangkan pelajar bebas memilih dan mengatur kelas pada setiap semester untuk disesuaikan dengan jadual kerja mereka. Penulis sendiri pernah bekerja sebagai *housekeeper* di hotel milik universiti, dan duit yang disimpan itu digunakan untuk melancong bersama rakan-rakan ke serata pelusuk negara Amerika. Pengalaman bekerja ini memberikan pendedahan mengenai sistem perhotelan, cara berikteraksi bersama tetamu hotel, dan yang lebih penting membentuk diri ini untuk lebih berdisiplin dalam hidup. Cuba bayangkan ketika musim sejuk, dengan suhu mencecah -15 °C, dan salji setinggi lutut, dugaan untuk bangun dan bersiap sedia ke kelas mahupun kerja amatlah besar.

Selain itu, penglibatan parti politik di dalam kampus bukan sahaja tidak dikekang, malah digalakkan. Sesi debat dan diskusi diadakan secara terbuka bagi memberi peluang kepada



pengundi-pengundi muda membuat pilihan mereka. Malah universiti juga merupakan antara tempat tumpuan setiap kali pilihanraya presiden berlangsung (setiap empat tahun). Barack Obama, iaitu Presiden Amerika Syarikat ke 44, telah datang ke Iowa State University pada tahun 2008 untuk berkempen, dan penulis merupakan salah seorang daripada ribuan pelajar yang berhimpun mendengar ucapan beliau pada ketika itu. Pengalaman tersebut masih segar dalam ingatan penulis, dengan gaya yang bersahaja dan petah berbicara, Presiden Obama cukup pandai menarik perhatian dan menyampaikan visi dan misi beliau sebagai calon pemimpin nombor satu Amerika.

Seperkara lagi, kebanyakan universiti terkemuka di barat juga lebih cenderung untuk melantik calon luar bagi memegang jawatan utama universiti, seperti Dekan Kolej Kejuruteraan mahupun Presiden Universiti (i.e. Naib Canselor). Ini kerana mereka percaya calon luar dapat membawa budaya dan cara kerja yang baru yang dapat menaikkan prestasi dan ranking universiti mereka. Calon-calon yang telah disenarai pendek kebiasaannya akan dibawa berjumpa dengan para pelajar, ahli fakulti serta pemegang taruh dan berdialog dalam sesi forum terbuka. Melalui cara ini, pihak pengurusan dapat melibatkan seramai mungkin pemegang taruh dalam membuat keputusan utama universiti. Malaysia sebaliknya mengamalkan pendekatan *top-down*, di mana suara ahli fakulti dan pelajar tidak diambil kira dalam mengisi jawatan utama universiti (contohnya Naib Canselor).

Secara keseluruhannya, penulis memperoleh pengalaman yang sangat tidak ternilai selama empat tahun di sana. Pepatah ada mengatakan, "melentur rebung biarlah dari buluhnya." Sebagai seorang remaja yang baru berusia belasan tahun ketika itu, penulis akui amat mudah diri ini untuk tergoda dengan gejala dan budaya barat, selain kecenderungan intelektual dan pedoman spiritual yang masih dibentuk di usia tersebut. Namun, itulah antara cabaran dan rintangan yang harus dihadapi semua anak muda yang melanjutkan pelajar ke luar negara. Tanpa doa dan nasihat ibu bapa yang sentiasa memperingati kita akan perkara yang halal dan haram, penulis yakin ramai yang akan tumpas dengan godaan-godaan yang cukup dasyat. Rakan-rakan seperjuangan penulis juga banyak membantu dalam menjalani kehidupan seharian di sana. Dengan komuniti Melayu Islam kurang daripada 20 orang ketika itu, kami semua mempunyai hubungan ukhwah yang sangat rapat dan saling membantu dalam segala hal, baik dalam akademik mahupun isu kerohanian. Alhamdulillah, setelah empat tahun di sana, penulis berjaya membawa pulang segulung ijazah sebagai membalas pengorbanan keluarga tercinta. Namun, yang lebih penting, penulis pulang dengan *mindset* yang berbeza. Penulis sedar akan keperluan untuk bersaing

secara global, dan tidak hanya menjadi jaguh kampung. Begitu juga dengan sifat keterbukaan dalam menyesuaikan diri dalam melakukan pekerjaan dan apa-apa aktiviti kemasyarakatan. Ini kerana pemikiran yang jumud tidak dapat memaju masyarakat ke hadapan untuk menghadapi agenda globalisasi dan yang terkini, *Industrial Revolution 4.0* disebabkan ceteknya minda untuk menerima pendapat, cadangan serta idea-idea baru.

Pengalaman kedua - United Kingdom (2013-2017)

Dengan izin-Nya, penulis telah diberi peluang melanjutkan pelajaran di peringkat PhD di University of Edinburgh, Scotland, UK. Secara amnya, pada pendapat penulis, proses mahupun tatacara yang dilalui mana-mana calon PhD itu sendiri adalah hampir sama di serata dunia. Namun, yang membezakan seseorang manusia itu adalah pengalaman yang ditimba sepanjang hidupnya. Sebagai contoh, UK merupakan antara destinasi popular yang kerap dikunjungi oleh rakyat Malaysia untuk bercuti. Akan tetapi, pengalaman bercuti selama dua minggu di luar negara adalah tidak sama dan tidak boleh dibandingkan dengan pengalaman orang yang menetap dan belajar di sana.



Apabila seseorang itu bermaustatin di sesuatu tempah pada tempoh yang lama (antara 3-4 tahun untuk calon PhD), mereka perlu menyesuaikan diri dan berasimilasi dengan persekitaran setempat. Pemikiran juga perlu lebih terbuka dalam memahami budaya dan karakter jiran sekeliling. Sikap toleransi juga secara automatik akan bercambah kerana saban hari kita akan bergaul dengan pelbagai manusia yang mengamalkan kepercayaan serta ideologi yang berbeza.

Dari segi akademik, masa dan fokus pelajar PhD bukanlah hanya tertumpu pada penyelidikan yang dijalankan semata-mata. Kebanyakan calon PhD diberi peluang untuk membantu para pensyarah dalam mengendalikan kelas mereka, seperti





menjalankan tutorial, mengawasi aktiviti makmal serta menyemak tugasan pelajar. Peluang ini amat penting dalam memupuk nilai insaniah (*soft-skill*), selain memberi pendedahan kepada calon PhD yang akan kekal di dalam bidang akademik. Ianya juga mampu mengurangkan beban tugas pada pensyarah, sekaligus lebih banyak masa dapat digunakan untuk membuat penyelidikan yang bermutu tinggi. Pengalaman sebagai tutor telah membuka mata penulis terhadap beberapa perkara. Pertama, pelajar di luar negara tidak pernah malu untuk bertanya. Kedua, mereka juga lebih bersedia ketika menghadiri sesi makmal dan tutorial, dimana para pelajar telah membuat bacaan awal berkaitan dengan eksperimen yang dijalankan, mahupun topik yang akan diajar di dalam kelas. Yang ketiga adalah penggunaan teknologi dalam sesi P&P, di mana kebanyakan tugasan dan laporan makmal dihantar secara *soft copy* bagi mengurangkan pembaziran kertas.

Di samping perjumpaan bersama penyelia, pelbagai aktiviti diatur sepanjang tahun bagi memberi nilai tambah kepada semua calon. Contohnya, setiap minggu, semua pensyarah dan pelajar sarjana akan berkumpul untuk sesi diskusi *Research Talk*, di mana ahli fakulti dan pelajar akan berkongsi status terkini penyelidikan yang sedang mereka jalankan. Sesi sebegini amat berguna kerana ahli dapat bertukar-tukar pendapat serta meluaskan pandangan terhadap penyelidikan terkini yang sedang dijalankan oleh rakan-rakan se-fakulti.

Selain itu, pihak *College of Engineering* turut menganjurkan *weekend outdoor trip* setiap tahun bagi calon-calon PhD untuk membantu mengurangkan tekanan disebabkan oleh aktiviti penyelidikan. Antara aktiviti yang dijalankan di sana adalah berkayak, *hillwalking*, *mountain biking*, *team building* dan banyak lagi, dengan segala kos bagi perjalanan ini semuanya

ditanggung oleh Pejabat Siswazah Lanjutan. Selain aktiviti luar, program ini juga dirancang agar para peserta dapat berkongsi pengalaman sepanjang perjalanan PhD masing-masing untuk tujuan refleksi sendiri. Pelbagai petua dan nasihat dikongsi sepanjang program ini berlangsung, dan para peserta kebanyakannya akan pulang dengan semangat yang baru dan lebih bersemangat untuk meneruskan kajian PhD mereka.

Pelajar PhD di luar negara juga lebih terdedah kepada penggunaan *state-of-the-art equipment and software* dalam menjalankan kajian mereka. Ini disebabkan oleh kerjasama antara universiti-industri yang kuat, sekaligus mengurangkan kebergantungan kepada peruntukan dana kerajaan. Jumlah geran yang besar (jutaan pound Sterling) juga membolehkan pihak universiti menyediakan prasarana yang moden dan peralatan P&P yang terkini untuk bilik kuliah. Pelajar sarjana di universiti penulis misalnya, tidak perlu bimbang mengenai peralatan untuk menulis mahupun kos untuk mencetak kerana semuanya telah tersedia. Penulis akui kos bagi mengikuti satu program pengajian di luar negara amat tinggi jika dibandingkan dengan universiti awam, terutamanya untuk pelajar asing. Namun, kos ini dilihat telah ditranslasikan kepada pembangunan kampus yang mampan, selain prasarana dan fasiliti yang lengkap untuk kemudahan dan keselesaan ahli fakulti dan pelajar.

Akhir kata, berdasarkan pengalaman peribadi penulis sebagai pelajar di tiga negara berbeza, penulis dapat simpulkan bahawa sistem pendidikan di barat secara amnya tidak menekankan pada aspek akademik semata-mata. Sistem pembelajaran di sana dibangunkan dan diolah untuk turut menggalakkan perkembangan mental, fizikal, sahsiah dan nilai insaniah dalam melahirkan pelajar yang berkebolehan *all rounder*. Sistem pendidikan barat yang lebih terbuka juga dilihat dapat membantu pelajar mereka untuk lebih vokal dalam kehidupan, selain kritikal terhadap apa-apa isu yang dibincangkan. Sebahagian besar perkara yang dibincangkan dalam artikel ini mungkin belum dapat dilaksanakan di Malaysia disebabkan oleh pertembungan budaya dan pemikiran yang berbeza dengan negara barat. Namun, tidak ada salahnya jika konsep mahupun prosedur daripada sistem pendidikan luar negara diterapkan di universiti awam jika ianya dilihat dapat membantu melahirkan siswazah yang lebih cemerlang, gemilang dan terbilang untuk bersaing secara global. Wallahu a'lam.



PENGURUSAN KUALITI : SOROTAN PENGALAMAN DI PUSAT ISLAM & PEMBANGUNAN INSAN, UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS



Muhammad Adib bin Hassan
Pegawai Tadbir
Pembangunan Insan,
Universiti Malaysia Perlis



Muhammad Hidham Haris
Pegawai Tadbir
Pusat Pengurusan Strategi & Kualiti
Universiti Malaysia Perlis.

PENGENALAN

Kualiti perkhidmatan sangat memainkan peranan yang penting dalam sesuatu organisasi. Dengan perkhidmatan yang diberikan kepada pihak-pihak lain sama ada dalam konteks organisasi dalaman atau luaran ianya tetap memerlukan sesuatu perkhidmatan yang cekap, efisien dalam semua perkara.

Perkhidmatan yang berkualiti menjadi asas kepada organisasi untuk lebih diyakini oleh pihak luar. Strategi perkhidmatan boleh menarik minat pihak luar untuk melabur, menyumbang dan memberi sesuai dengan perkhidmatan yang ditawarkan.

Kesedaran untuk meningkatkan kualiti setiap perkhidmatan yang disediakan kini bukan lagi menjadi perkara yang hanya boleh berteori semata-mata. Tetapi ianya perlu dipraktikkan secara menyeluruh agar setiap perkhidmatan yang diberikan merupakan perkhidmatan yang terbaik kepada pihak pelanggan.

Dalam perkhidmatan yang berkualiti, Islam telah meletakkan asas yang kukuh berdasarkan dari dalil-dalil yang dinyatakan

- i. ***"Kamu (umat Muhammad S.A.W.) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi umat manusia, kamu menyuruh berbuat baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (mungkar) serta kamu pula beriman kepada Allah."***
- ii. Dalam sebuah hadis Nabi Muhammad SAW yang bermaksud : ***"Sesungguhnya Allah menyukai seseorang jika apabila kamu melakukan sesuatu tugasan, maka kamu akan melakukannya dengan itqan"***.

Berdasarkan hadis ini jelaslah, Nabi SAW amat menyukai umatnya melakukan sesuatu amal itu dengan bersungguh dalam apa jua kedudukan. Sama ada kita seorang jurutera perlu melaksanakannya dengan bersungguh-sungguh untuk menyiapkan sebuah jambatan. Kepentingan ini bukan sahaja untuk mendapat gaji atau mencapai Key Performance Indicator (KPI) di organisasi syarikat semata-mata tetapi ianya tetap dipersoalkan oleh Allah ta'ala akhirat kelak. Bayangkan ketidak-sungguhan melaksanakan perkara tersebut akan dihisab. Ini bermakna setiap perkara yang dilaksanakan dalam konteks organisasi bukanlah hanya untuk mencapai KPI atau sasaran kerja tertentu tetapi merupakan amalan yang beroleh ganjaran pahala di akhirat sebagai saham kita menuju syurganya. Apa jua kedudukan dan pangkat seseorang ianya tidak terlepas dari hisab Allah SWT.

DEFINISI ORGANISASI

Apabila disebut organisasi tidak kira sama ada ianya dalam konteks kerajaan atau swasta atau perkumpulan lain ia membawa masuk satu kumpulan kerja yang tersusun dengan pelbagai unit-unit kecil untuk menyokong antara satu dengan lain bagi mencapai matlamat dan tujuan penubuhan. Ianya adalah bertujuan melakukan sesuatu kerja untuk menyelesaikan pekerjaan serta mendapat manfaat serta objektif yang dinyatakan dan dipersetujui bersama (Jackson dan Musselmen, 2006).

Ada kalanya kita merancang dengan pelbagai gerak kerja dalam organisasi tetapi bagi mencapai perancangan tersebut kadang-kadang membawa kepada kegagalan atau kurang memuaskan. Kenapa ianya terjadi? Persoalan ini perlu diletakkan dalam semua yang digelar pentadbir organisasi.

Islam menyuruh umatnya sentiasa melakukan kebaikan kepada manusia yang lain. Ini termasuklah memberi perkhidmatan yang berkualiti kepada para pelanggan. Kualiti perkhidmatan yang terbaik akan terhasil apabila wujud satu keyakinan bahawa Allah sentiasa mengawasi pekerjaan dan melihatnya walau di mana jua. Firman Allah SWT yang bermaksud :

"Dan katakanlah bekerjalah kamu, maka Allah dan RasulNya serta orang-orang mukmin akan melihat pekerjaanmu itu ... [5] 3

GERAK KERJA AWAL

PIMPIN menerima sahutan cabaran dari mantan Naib Canselor Ke-2, untuk melaksanakan MS ISO 9001:2015 dan juga merujuk kepada Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam Bil. 1 Tahun 2018 - Panduan Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti Berasaskan MS ISO 9001:2015 bagi Agensi Sektor Awam. Tidak lama dari sahutan tersebut, PIMPIN telah mememulakan perbincangan dengan pihak Pusat Pengurusan Kualiti (PUSPEK) UniMAP. Perbincangan awal lebih menjuruskan kepada aspek skop dan penetapan unit manakah yang akan terlibat. Hasil tersebut perlu dilaksanakan bengkel bagi menetapkan perkara-perkara asas dalam pengurusan kualiti. PIMPIN memilih untuk melaksanakannya di Satun, Thailand.





UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
ISO 9001:2015

Kami Komited

YBhg. Prof. G. Tz. Dr. R. Badriahul Akmal
Naib Canselor
UniMAP

Uthaz Mubandaz Adib bin Haji Hassan
Pengerah
Pusat Islam & Pembangunan Insan
UniMAP

KAMPUS ESTARI Universiti Malaysia Perlis
Pusat Islam & Pembangunan Insan
CAMPUS ESTARI
Kali 2 2020

DASAR KUALITI

Pusat Islam (UniMAP) beritizam mengendalikn aktiviti berteraskan Islam yang berpandukan al-Quran dan as-Sunnah bagi melahirkan warga UniMAP yang berupaya memenuhi keperluan dan jangkaan pihak berkepentingan.

Pusat Islam beritizam /bertekad melaksanakan pengurusan aktiviti secara dinamik dan menerapkan keikhlasan berasaskan al-Quran dan as-Sunnah dengan mengutamakan penambahbaikan secara berterusan supaya pelaksanaannya mencapai tahap ITQAN (baik, sempurna dan teliti).

OBJEKTIF KUALITI

Pusat Islam beritizam mencapai:

- 1- 85 % tahap kepuasan warga UniMAP terhadap pengurusan surau.
- 2- 80 % pelaksanaan aktiviti tahunan mengikut tahun.
- 3- 80 % Indeks kepuasan warga staf Pusat Islam setiap tahun.
- 4- 80 % Indeks kepuasan warga UniMAP terhadap aktiviti yang dianjurkan.
- 5- 80 % penyertaan Skim Khairat dari kalangan staf UniMAP.

PENETAPAN DASAR KUALITI

Penetapan dasar ini adalah bertujuan PIMPIN memfokuskan terhadap sesuatu perkhidmatan yang lebih berkesan. Boleh sahaja PIMPIN melaksanakan semua perkhidmatan yang ditawarkan. Tetapi penetapan secara berkala dan berfokus lebih menjamin kualiti dan strategi.

Penetapan yang pertamanya ialah mengenai perkhidmatan pengurusan Surau dan Masjid. Sungguh pun UniMAP tidak lagi mempunyai sebuah masjid tetapi peranan surau cukup untuk menjadikan sebagai latihan kearah yang lebih besar. Dalam perkhidmatan ini peranan di sesebuah Masjid atau Surau IPTA yang melaksanakan Solat Jumaat dan solat lima waktu perlu diletakkan keadaan sentiasa bersedia. Ini kerana masjid dan surau yang menjadi tumpuan orang ramai untuk melaksanakan ibadah, aktiviti sendiri dan aspek perkhidmatan sosial. Keadaan di Masjid dan Surau hendaklah sentiasa bersih, ceria dan tersusun merupakan aspek terpenting yang memaparkan kemuliaan rumah Allah ini.

Bagi penetapan kedua pula mengenai Pengurusan Aktiviti dan Latihan. Satu perkara yang sinonim dalam sesebuah identiti sesebuah masjid. PIMPIN merancang pelbagai aktiviti tahunan untuk manfaat warga UniMAP. Ada aktiviti bersempena hari-hari kebesaran Islam seperti tahun baru hijriah, sambutan lhyah' Ramadan, Ibadah Korban dan lain-lain. Tidak kurang juga aktiviti-aktiviti UniMAP Service Responsibility (USR) bagi masyarakat setempat yang berdekatan dengan Kampus Alam Pau Putra. Bagi latihan pula lebih bersifat memberi pendedahan kepada staf dan mahasiswa UniMAP agar mengetahui ilmu-ilmu asas Fardhu Ain untuk persediaan mereka berada dalam komuniti masyarakat kelak. PIMPIN meletakkan asas utama dalam pengendalian aktiviti dan latihan di UniMAP dengan aktiviti yang berimpak tinggi bagi memastikan kualiti warganya.

Penetapan skop yang terakhir adalah perkhidmatan sokongan yang mana perkara ini merupakan ikatan kemanusiaan iaitu perkhidmatan khairat kematian untuk warga UniMAP. Perkhidmatan ini menawarkan pengurusan jenazah, caruman dan tuntutan khairat kematian dan perkhidmatan van jenazah yang boleh dihantar ke Semenanjung Malaysia.

Semua perkhidmatan merupakan skop yang saling berkaitan bagi sebuah Pusat Islam di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Malaysia. Perkhidmatan ini merupakan satu elemen yang perlu bagi memberikan yang terbaik dalam pengurusan di PIMPIN. Namun tidak terhenti dengan skop itu sahaja, bahkan PIMPIN merancang secara lebih holistik mengenai tambahan skop pengurusan kualiti dalam aspek zakat dan juga mensasarkan pengurusan MS ISO 1900:2014 Patuh Syariah. Mudah-mudahan hasrat ini akan menjadi kenyataan.

PENGURUSAN KUALITI BERASAS MS ISO 9001:2015

ISO 9001 ialah piawai antarabangsa yang menjelaskan keperluan di dalam Sistem Pengurusan Kualiti. Ia diaplikasikan di dalam sesebuah organisasi bagi menunjukkan kemampuan untuk menghasilkan produk dan penyediaan perkhidmatan yang konsisten bersesuaian dengan kehendak pelanggan dan keperluan perundangan yang digunapakai. Pemakaian ISO menggalakkan pendekatan proses di dalam membangun, melaksana dan menambahbaik keberkesanan Sistem Pengurusan Kualiti. ISO menyediakan asas yang kukuh bagi pelaksanaan proses pengurusan kualiti yang berasaskan kepada falsafah kualiti iaitu pelanggan dan melibatkan semua aspek organisasi secara berterusan. Pelaksanaan kualiti memerlukan dokongan dan sokongan penuh serta gerak kerja secara berkumpulan agar lebih tersusun dan sistematik.

FAEDAH-FAEDAH ISO 9001

Pelaksanaan ISO 9001 akan memberi faedah kepada organisasi termasuk:

1. Mengurangkan tindakan pembedahan yang diambil selepas berlakunya sesuatu masalah.
2. Membolehkan organisasi mengenalpasti tugas yang patut dijalankan serta memperincikan tindakan yang perlu diambil.
3. Memberi kaedah bagi mendokumentasikan secara tersusun amalan pengurusan dan cara bekerja.
4. Membolehkan organisasi mengenalpasti dan mengatasi masalah serta mengelakkannya daripada berulang.
5. Membolehkan staf menjalankan tugas mereka dengan betul pada kali pertama dan setiap kali (*right at the first and everytime*).
6. Membolehkan organisasi membuktikan kepada pihak yang membuat penilaian bahawa perkhidmatan yang diberi dan sistem yang digunakan adalah terkawal.
7. Membolehkan organisasi membuat keputusan dengan lebih baik melalui maklumat penting.

Adakah KUALITI itu penting dalam organisasi? Sudah tentu YAI. Pengurusan kualiti adalah penting untuk semua perkhidmatan. Produk atau perkhidmatan yang berkualiti membantu mengekalkan kepuasan pelanggan kerana pelanggan anda mengharapkan penyampaian produk atau perkhidmatan yang CEMERLANG. Jika TIDAK, pelanggan akan meninggalkan anda. Kualiti mempengaruhi reputasi organisasi anda. Pada zaman sekarang ini, pelanggan boleh menyebarkan maklum balas kualiti berkaitan produk atau perkhidmatan yang diberikan oleh organisasi di media social.

CABARAN

Sudah pastilah pelaksanaan system ini memerlukan komitmen yang bersungguh-sungguh dari kalangan pegawai yang melaksanakannya. Ini kerana gerak kerja yang tersusun dan perancangan yang rapi mestilah dari gerak kerja berkumpulan. Pelaksanaan MS ISO di PIMPIN sudah pasti akan dipupuk semangat kerjasama yang tinggi. Merancang



secara bersama dan aspek perbincangan serta percambahan idea secara kolektif dilaksanakan. Cabaran yang terbesar bagi kami di PIMPIN ketika awal-awal pelaksanaan adalah sukar untuk memahami beberapa standard yang ditetapkan. Namun semangat dan kegigihan untuk terus belajar dari fasilitator SQM dilaksanakan hampir setiap 2 minggu supaya tidak lupa akan istilah-istilah dalam MS ISO.



KOMITMEN

Dalam pengurusan kualiti sangat menuntut komitmen yang bersungguh-sungguh untuk menjayakan perkara yang ada dalam kompenan pengurusan MS ISO. Ini kerana kita perlu merancang dan melihat masa depan bagaimana cara kaedah yang lebih baik dan efisien dalam pengurusan. Kadang kala kita merancang di atas kertas dengan baik sekali tetapi pelaksanaan yang sebenarnya tidaklah menggambarkan sedemikian. Perkara ini sudah bercanggah dengan prinsip ITQAN dalam pekerjaan. Dalam Islam prinsip ITQAN ini juga berkaitan dengan sikap amanah dalam pekerjaan.

Dari Ibnu Umar RA dari Nabi SAW, bahawa baginda bersabda: *"Ketahuilah, setiap kalian adalah pemimpin, dan setiap kalian bertanggung jawab atas apa yang dipimpinnya. Seorang pemimpin yang memimpin rakyat akan bertanggung jawab atas rakyatnya, seorang laki-laki adalah pemimpin atas keluarganya, dan dia bertanggung jawab atas mereka semua, seorang wanita juga pemimpin atas rumah suaminya dan anak-anaknya, dan dia bertanggung jawab atas mereka semua, seorang hamba adalah pemimpin atas harta tuannya, dan dia bertanggung jawab atas harta tersebut. Setiap kalian adalah pemimpin dan akan bertanggung jawab atas kepemimpinannya."* (HR Muslim No: 3408) Status: Hadis Sahih

Kepimpinan dan Penglibatan Pekerja dalam melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti di sebuah organisasi adalah sebahagian dalam prinsip Sistem Pengurusan Kualiti yang berkaitan dengan **komitmen**. **Kepimpinan** adalah pengurusan yang bertindak sebagai ketua yang

mewujudkan penyatuan antara tujuan dan matlamat sesuatu organisasi. Mereka hendaklah mewujudkan dan mengekalkan persekitaran dalaman yang sesuai untuk pekerja supaya mereka dapat terlibat sepenuhnya dalam mencapai objektif kualiti organisasi. **Penglibatan Pekerja** di semua peringkat adalah merupakan tunggak sesebuah organisasi dan penglibatan mereka sepenuhnya membolehkan keupayaan mereka digunakan untuk faedah organisasi.



PENSIJILAN DALAMAN

Setelah berhempas pulas selama dua tahun tibalah masanya untuk kami mendapat pensijilan dalaman. Proses ini amat ketat dengan beberapa siri audit peringkat pertama dan kedua serta audit pensijilan. Ini bagi memastikan setiap perkara yang dinyatakan dalam proses tersebut perlu dilaksanakan dengan baik dalam PIMPIN. Dengan beberapa pembetulan dari siri audit tersebut maka akhirnya telah dinyatakan dalam satu mesyuarat penting bahawa Pusat Islam & Pembangunan Insan telah layak untuk pensijilan. Inilah satu usaha yang besar dilaksanakan di PIMPIN.






**AUDIT PENSIJILAN DALAMAN MS ISO 9001:2015 (PERINGKAT KEDUA)
 PUSAT ISLAM UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
 18-19 FEBRUARI 2020 | PUSAT ISLAM**

MAJLIS ANUGERAH PENSIJILAN

Anugerah ini telah disampaikan oleh Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Canselor UniMAP bersempena Majlis Anugerah Seri Gemilang (ASG) UniMAP 2019 bertempat di Dewan Senat UniMAP. PIMPIN merupakan Pjt yang pertama mendapat pengiktirafan dalam Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015. Pengurusan kualiti ini tidak hanya terhenti sekadar pengiktirafan dalam sahaja. Bahkan kita merancang untuk pengiktirafan berikutnya seperti SIRIM dan Patuh Syariah sebagai persediaan pentadbiran yang terbaik untuk PIMPIN. Perkara ini memerlukan perancangan rapi dan tersusun dengan persediaan yang dari semua aspek.



IMPLIKASI PENGURUSAN

Penetapan pengurusan kualiti MS ISO 9001:2015 akan memberi satu implikasi yang besar terhadap pengurusan dan pentadbiran dalam PIMPIN. Ini bermakna tiada lagi kerja yang boleh dilaksanakan secara *cincai*. Semuanya perlu mengikut setiap perkara yang ditetapkan dan akan diikat dengan peraturan-peraturan tertentu sama ada secara dalaman atau pihak luar (ketiga). Etika pengurusan perlu dibawa sebagai persediaan untuk masa hadapan ketika siapnya masjid Universiti. Dengan pelbagai perkhidmatan yang bakal ditawarkan nanti.

ANALOGI IBADAH SOLAT DALAM PENGURUSAN KUALITI

Pengurusan kualiti ini boleh diumpamakan seperti menunaikan solat. Sebelum kita menunaikan solat, semestinya kita perlu berwuduk terlebih dahulu. Kemudian diikuti dengan berdiri tegak dan takbiratul ihram, disusuli dengan bacaan al fatihah yang merupakan rukun dan seterusnya rukuk serta sujud. Diulangi setiap perkara yang melibatkan rukun qauli (bacaan) dan rukun fiqli (perbuatan). Sekiranya rukun-rukun tersebut tidak dilaksanakan maka perlu sujud sahwi. Perbuatan dalam ibadah solat tersebut memberi maksud yang dalam pengurusan kualiti. Tanpa wuduk solat hanya jadi sia-sia. Tanpa menyempurnakan rukun solat perlu sujud sahwi umpama NCR. Dalam pengurusan kualiti NCR umpama perkara teguran yang serius sama ada dalam bentuk minor atau pun major.

“Sesungguhnya berjayalah orang-orang yang berima. Iaitu mereka yang khusyuk dalam sembahyangnya; Dan mereka yang menjauhkan diri dari perbuatan dan perkataan yang sia-sia; Dan mereka yang berusaha membersihkan hartanya (dengan menunaikan zakat harta itu); Dan mereka yang menjaga kehormatannya”.

Surah al-mukminun ayat 1-5

PENGIKTIRAFAN MS ISO 9001:2015 DI INSTITUSI ISLAM

Antara yang mendapat pensijilan MS ISO 9001:2015 adalah

1. Pusat Islam dan Masjid UPM
2. Masjid Sultan, Singapura
3. Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM)
4. Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)
5. Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak Darul Ridzuan (MAIAMP)


PENUTUP

Islam sangat mementingkan kualiti sama ada urusan pentadbiran atau kehidupan kerana semuanya berkaitan rapat dengan prinsip *hablu minal an-nas*. Dengan prinsip tersebut ianya dapat memuaskan hati pelanggan, tetapi juga individu, organisasi dan masyarakat.

Hakikatnya Islam tidak pernah memayahkan umat, tetapi kehidupan sangat perlu kepada bimbingan dan aturan hidup supaya kita tak tergelincir. Konsep yang sama dalam implementasi pengurusan kualiti. Organisasi perlu ditadbir mengikut kaedah dan prinsip serta aturan yang bertepatan supaya perkhidmatan yang ditawarkan mengikut garis panduan yang ditetapkan. Semoga dengan sorotan artikel ini mampu untuk merungkai sedikit sebanyak tentang perjalanan mendapatkan pensijilan MS ISO 9001:2015 di Pusat Islam dan Pembangunan Insan, Universiti Malaysia Perlis.



RANTAIAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI (TAHUNAN)



BERSAMA PENERIMA ANUGERAH TOKOH
MAAL HIJRAH UNIMAP 1442H/2020M
**DATO' PROF. DR. ZUL AZHAR
BIN ZAHID JAMAL**



Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Bin Zahid Jamal
ketika di luar Masjid Nabawi

Terima kasih kepada Pusat Islam kerana memberi saya peluang menukikan sepatah dua kata dalam edisi Ulum ini. Jazakallah atas anugerah Tokoh Islam tempohari - ia amat bermakna buat diri saya.

Sesungguhnya sejak dari dahulu lagi persahabatan profesional saya dengan Pusat Islam begitu baik. Saya melihat pusat ini sebagai wadah di mana kehidupan seharian warga kampus, khususnya yang berkaitan dengan hal ehwal spiritual, dipermudahkan. Pusat Islam merupakan tunggak kepada aktiviti-aktiviti yang melangkaui arena akademik dan penyelidikan duniawi. Ia merentas sempadan zahir, dan memungkinkan kita meletakkan nilai sebenar sesebuah tugas yang diamanahkan.

Beberapa tahun lalu, semasa diskusi perancangan masjid UniMAP dijalankan, kita bercita-cita tinggi ingin membina rumah Allah yang indah dan unik, selaras dengan indah dan uniknya Islam. Malangnya kekangan kewangan menghalang hasrat tersebut. Namun saya masih menaruh harapan agar sebuah bangunan 'signature' dapat dibina dengan mengambilkira sempadan kekangan yang dihadapi. Semoga ia kelak menjadi sumber rujukan, pusat ilmu, serta hab siratulrahim bagi komuniti kampus dan masyarakat setempat. In syaa Allah.

Saya percaya peranan yang dimainkan pusat ini akan terus kukuh di masa hadapan, di mana *kebijaksanaan* - dan bukannya penguasaan ilmu semata-mata - mendasari apa jua keputusan yang dicapai secara individu mahupun secara kolektif. Selamat maju jaya, Pusat Islam!



Bersama isteri di Masjid
Kul Sharif, Kazan, Russia



Di Masjid Putih (White Mosque),
Bulgar, Russia



Di Masjid Camcila Istanbul, Turki



SENARAI PENERIMA ANUGERAH TOKOH MAAL HIJRAH 1442H/2020M

BIL	SENARAI ANUGERAH	SENARAI PENERIMA
1.	Anugerah Tokoh Maal Hijrah	1) Dato' Prof. Dr. Zul Azhar bin Zahid Jamal
2.	Anugerah Al-Falah	1) Pusat Pengurusan Keselamatan, Kesihatan & Persekitaran Pekerjaan (COSHE) 2) Pusat Pembangunan & Perkhidmatan Pelajar (P3P)
3.	Anugerah Personaliti Maal Hijrah	1) Prof. Madya Ku Halim bin Ku Ariffin Dekan, Fakulti Sains Gunaan & Kemanusiaan 2) Raja Shah Erman bin Raja Arifin Penolong Pendaftar, Jabatan Pendaftar. 3) Ruzalina Ibnu Ruslan Ketua Bahagian Pengurusan Akademik, Pusat Pengurusan Akademik. 4) Pn. Rasmiza binti Abdullah Setiausaha Pejabat, Fakulti Sains Gunaan & Kemanusiaan.
4.	Anugerah Tokoh Siswa	1) Syahirunnisa binti Ramli Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal 2) Muhamad Ali bin Mohd Yusoff Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik 3) Mohamad Shahrul bin Daud Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal

BIL	SENARAI ANUGERAH	SENARAI PENERIMA
5.	Anugerah Khas Pencetus Ummah	1) Prof. Madya Dr. Shuhairimi bin Abdullah Pensyarah Kanan, Fakulti Sains Gunaan & Kemanusiaan
6.	Anugerah Sahabat Pusat Islam	1) Dr. Mohamad Ezral bin Baharudin Penyarah Kanan, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal 2) Prof. Madya Dr. Siti Khadijah Za'aba Pengarah Pusat Pengurusan Tenaga & Kampus Lestari 3) En. Rosiswardi bin Rusli Penolong Jurutera Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal
7.	Anugerah Khas Agensi Terbaik	1) IR-SAF Holiday & Express Sdn. Bhd 2) Warong Tihh
8.	Anugerah Khas Al-Insan	1) Kapt. Ts. Leong Kean Wei Pegawai Latihan Vokasional, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal 2) Suppomonney a/l Thanimalai Pengawal Keselamatan, Jabatan Keselamatan 3) Sam Shao Qi Mahasiswa, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal


SENARAI NAMA PELAJAR-PELAJAR PRAKTIKAL DI PIMPIN DARI 2015 HINGGA 2021

BIL	TAHUN PRAKTIKAL	NAMA PELAJAR PRAKTIKAL	IPTA/ IPTS	JURUSAN	GAMBAR
1.	28 DIS 2015-15 MEI 2016	KHAIRUL FAZLI ROSLI	UUM	IJAZAH SARJANA MUDA PENTADBIRAN MUAMALAT	
2.	28 DIS 2015-15 MEI 2016	AZHAN BIN AZALI	UTM, SKUDAI	IJAZAH SARJANA MUDA PENGURUSAN TEKNOLOGI	
3.	20 FEB-11 JUN 2017	MOHD IRZAT ROZAIDY BIN MOHAMAD ROSELI	USIM	IJAZAH SARJANA MUDA FIQH DAN FATWA DENGAN KEPUJIAN	
4.	16 OKT 2017-29 MAC 2018	MURSHIDAH BINTI BAHARI	KUIN	IJAZAH SARJANA MUDA PERBANKAN DAN KEWANGAN ISLAM	
5.	2 MEI-2 JULAI 2018	INTAN HAZIQAH BT ABD RAHIM	KUIS	IJAZAH SARJANA MUDA DAKWAH DENGAN SUMBER INSAN	
6.	2 MEI-2 JULAI 2018	NOOR AINA ZAHIRAH BT AHMAD ROZI	UNISZA	IJAZAH SARJANA MUDA PENGURUSAN ISLAM (DAKWAH)	
7.	17 JUN-16 SEPT 2019	NUR SYAKIRAH BT ROSIDI	KUIS	IJAZAH SARJANA MUDA USULUDDIN DENGAN MULTIMEDIA	

BIL	TAHUN PRAKTIKAL	NAMA PELAJAR PRAKTIKAL	IPTA/ IPTS	JURUSAN	GAMBAR
8.	3 JUN-22 OGOS 2019	AWATIF BINTI MOHD NOR	UNISZA	IJAZAH SARJANA MUDA USULUDDIN DENGAN KAUNSELING DENGAN KEPUJIAN	
9.	27 JULAI - 16 OKTOBER 2020	MUHAMMAD AKMAL BIN RAZELAN	UNISZA	IJAZAH SARJANA MUDA USULUDDIN DENGAN KAUNSELING DENGAN KEPUJIAN	
10.	28 JULAI - 16 OKTOBER 2020	SALSABILA BINTI ABDULLAH	UNISZA	IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN ISLAM (SYARIAH)	
11.	22 MAC-23 JULAI 2021	MUHAMMAD AFIF BIN ROSLY	USIM	IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN QURAN DAN SUNNAH DENGAN KEPUJIAN	
12.	22 MAC-23 JULAI 2021	MUHAMMAD ADZRALL ADZANAN BIN MOHD AYUB	USIM	IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN AKIDAH DAN AGAMA DENGAN KEPUJIAN	
13.	5 JULAI-24 SEPTEMBER 2021	ANIS SABIRIN BINTI MAZLAN	KUIPS	DIPLOMA BAHASA ARAB	
14.	12 JULAI-1 OKTOBER 2021	NORFARHANA BINTI MOHAMAD SHABUDIN	UNISZA	IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN ISLAM (USULUDDIN) DENGAN KEPUJIAN	

Maktabah Digital Islam [MAQDIS] @ Pusat Islam & Pembangunan Insan, UniMAP

All



Scan QR kod
untuk membaca
majalah ini
secara atas talian



Jom Sedekah

Infaq Mudah Hanya Dihujung Jari

Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Bandingan (dema) orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurnia-Nya, lagi meliputi ilmu pengetahuan-Nya”.

Sural Al-Baqarah, ayat 261

SEDEKAH UNTUK ANDA

- ✓ Penyelenggaraan Surau
- ✓ Penganjuran Aktiviti
- ✓ Kemudahan Dan Fasiliti Surau



SCAN QR CODE INI

<https://tinyurl.com/uef96co>